

"MAKA oleh itu, beta tidak bosan-bosan untuk menegaskan, bahawa negara kita adalah perlu mengambil langkah tegas meningkatkan penghasilan tanaman, khasnya beras. Pastikan, bahawa kita akan berjaya juga menyenyar diri sendiri dengan hasil kita sendiri."

- Titah Sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1429 Hijrah / 2008 Masihi



Tembudayakan Masyarakat Bermaklumat

قلمروي Pelita BRUNEI

TAHUN 56 / BILANGAN 78

29 JUN 2011 / 1432 27 ربیع

EDISI RABU / PERCUMA

73 orang penerima dianugerahkan geran LTS

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar, Ak. Jeffery Pg. Durahman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Syuaib Haji Sulaiman

BERAKAS, Isnin, 27 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan penganugerahan geran-geran tanah di bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha di Dewan Sekolah Menengah Lambak Kiri dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Pegawai DBM, Awang Haji Jamain bin Momin.

Ke muka 12 & 13

OIC perlu imej, komitmen dan kerjasama baru



Laporan : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Azmah Haji Ahad
dari Astana, Republik Kazakhstan

ASTANA, REPUBLIK KAZAKHSTAN, Selasa, 28 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersabda dengan penuh harapan agar OIC akan lebih maju serta mempunyai imej, komitmen dan kerjasama yang baru dalam memajukan OIC. Iaitu sesuai dengan logo baru OIC yang dilancarkan sempena dengan sidang ini.

Perkara ini amat penting, sabda Duli Yang Teramat Mulia, memandangkan di abad ke-21 ini, OIC lebih banyak menghadapi pelbagai cabaran global yang perlu ditangani dengan bijak dan segera iaitu sesuai dengan Deklarasi Astana yang akan diisytiharkan, manakala abad ke-20 yang lalu perlu dijadikan pengajaran dan sejarah.

Dari itu tegas DYTM, kita perlu kembali kepada matlamat asal Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ditubuhkan.

Ke muka 24



BERTUAH ... Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke rumah penerima geran tanah di Kampung Lambak 'A' diambil kesempatan dengan bergambar kenangan bersama baginda. - Foto : Haji Mohammad Yusof Mohd. Yassin. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 3, 12 & 13).

Anugerah Penulisan Islam diharap menyumbang pencapaian Wawasan 2035

Oleh :
Lina Hafizah Haji Jumat,
Rohani Haji Abdul Hamid

JERUDONG, Isnin, 27 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersabda mengharapkan, Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dapat menyumbang ke arah pencapaian Wawasan 2035, untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Di samping menjadi pengiktirafan dan penghormatan yang tinggi kepada para penulis di negara ini yang menunjukkan

kecermerlangan sabda Yang Teramat Mulia, anugerah tersebut juga diharapkan memperkuatkan dan memperkembangkan dakwah islamiah di negara.

Bersabda demikian di Majlis Anugerah Penulisan Islam di Grand Ballroom, Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel and Country Club, Jerudong, YTM terdahulu dari itu bersabda menyatakan bahawa Islam amat mengutamakan kecerdasan dan ketajaman akal fikiran untuk melakukan apa jua perkara atau keperluan untuk kemaslahatan kehidupan manusia.

Menurut YTM, perkara ini jelas terbukti melalui wahyu pertama yang diturunkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mengandungi perintah membaca yakni 'IQRA'.

Ke muka 24

"SETELAH melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata: Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Sakar? Orang-orang yang bersalah itu menjawab : Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang." - (Surah Al Muddatir, ayat 42-43).

DI DALAM

Muka 3



BERCEMAR duli ke rumah-rumah para penerima geran tanah

Muka 4



ANUGERAH Penulisan Islam kukuhkan Brunei Negara Zikir berkonsepkan MIB

Allah mengurniakan martabat yang tinggi kepada hamba-Nya yang berilmu

Bismillahir
Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

A L H A M D U L I L - LAH, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Dengan izin dan limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala serta mengambil tabarak Kerasulan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maka kita dapat bersama-sama hadir di majlis yang berkebajikan ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setting-tinggi penghargaan kepada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah atas ingatan baik mengundang saya untuk hadir ke Majlis Anugerah Penulisan Islam ini.

Islam amat mengutamakan kecerdasan dan ketajaman akal fikiran untuk melakukan apa jua perkara atau keperluan untuk



SABDA Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Majlis Penyampaian Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) anjuran YSHHB dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka di Dewan Indera Samudera, The Empire and Country Club pada hari Isnin, 25 Rejab 1432 Hijriah bersamaan 27 Jun 2011 Masihi.

kemaslahatan kehidupan manusia.

mengandungi perintah membaca yakni 'IQRA'.

Perkara ini jelas terbukti melalui wahyu pertama yang diturunkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang

Islam menganggap kebolehan membaca sebagai jambatan utama ke arah meningkatkan kecerdasan intelektual, dan membentuk peradaban bangsa yang lebih baik dan kukuh.


Kesungguhan menguasai ilmu itu dapat menggambarkan tahap ketamadunan sesebuah masyarakat dan juga menilai setakat mana golongan intelek berjaya melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menyebarkan ilmu dalam setiap bidang yang dikuasai oleh mereka.

Seperti yang dititahkan

oleh Paduka Ayahanda dalam Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2008 sempena Hari Keputeraan ke-62 tahun:

"Ilmu ialah milik Allah dan Allah mengurniakan martabat yang tinggi kepada hamba-Nya yang memiliki ilmu. Ilmu ialah faktor tunggal yang mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya yang terang-benderang. Kerana itu Islam sangat mementingkan ilmu."

Titah Kebawah DYMM dalam Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2008 sempena Hari Keputeraan ke-62 tahun



KITA sama-sama berharap, Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini akan menyumbang ke arah pencapaian wawasan 2035, untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, di samping menjadi pengiktirafan dan penghormatan yang tinggi kepada para penulis di negara ini yang menunjukkan kecemerlangan dalam usaha untuk memperkuatkan dan memperkembangkan dakwah islamiah di negara ini.

martabat yang tinggi kepada hamba-Nya yang memiliki ilmu. Ilmu ialah faktor tunggal yang mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya yang terang-benderang. Kerana itu Islam sangat mementingkan ilmu."

Di sinilah letaknya peranan dan tanggungjawab, yang perlu dipikul dan dilutani oleh para intelek dan penulis, sebagai suatu amanah dalam memartabatkan ilmu yang amat tinggi nilainya kepada bangsa dan negara.

Sesuai dengan hasrat Paduka Ayahanda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah 'Negara Zikir', maka usaha yang dilakukan oleh pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk melahirkan golongan intelek dan pemikir Islam di negara ini adalah sangat bertepatan.

Saya difahamkan bahawa penilaian telah dibuat ke atas sebanyak 34 tajuk buku dalam berbagai bidang, yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis tempatan dan dierbitkan di antara tahun 1992 hingga 2009.

Buku-buku tersebut setentunya berupaya mengembangkan dan menyuburkan lagi nilai-nilai Islam yang murni, di

samping menjadi sumber inspirasi kepada rakyat kita, untuk terus melangkah dan mencapai kecemerlangan sebagai insan yang berpengetahuan.

Kita sama-sama berharap, Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini akan menyumbang ke arah pencapaian wawasan 2035, untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, di samping menjadi pengiktirafan dan penghormatan yang tinggi kepada para penulis di negara ini yang menunjukkan kecemerlangan dalam usaha untuk memperkuatkan dan memperkembangkan dakwah islamiah di negara ini.

Saya suka cita mengucapkan tahniah kepada Penerima Khas Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan berdoa semoga akan terus berjaya dalam bidang penulisan serta terus menghasilkan buku yang berkualiti tinggi.

Mudah-mudahan usaha yang berkebajikan ini akan mencapai kejayaan dan memberi manfaat kepada para cendekiawan, penulis dan masyarakat umum di negara ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wasalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarallie, Hezlinawati Haji Abd. Karim, Bolhassan Haji Abu Bakar, Ak. Jefferi Pg. Durahman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadie, Abdullah Asgar, Abu Bakar Haji Abdul Rahman, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Haniza Abdul Latif, Rohani Haji Abdul Hamid, Nooratini Haji Abas, Khartini Hamir, Saerah Haji Abdul Ghani, Aimi Sani, Shari Haji Garib, Aryenty Haji Ariffin, Siti Nadieya Haji Rahime

Ketua Penyuntingan

Azman Haji Abdul Rahim, Haji Ahat Haji Ismail

Penyelaras dan Reka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar, Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain, Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamut, Ramlah Md. Nor, Atikah Mohd. Asyraf, Hajah Sujimawati Mejari, Nurul Hazwani Abu Omar, Siti Faizahanish Awang Mahani, Siti Noorzaimah Haji Noorali, Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin, Majdiah Hazirah Awang Lamit

Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim, Siti Muslihat Haji Salleh, Haji Aliddin Haji Moktal

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad, Hafizatul Atikah Abdulla

Pereka Letak

Mohammad Iker Igrami Haji Suhaimi, Muhammad Hamdanajib Haji Domeng, Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh, Md. Alisman Ismail, Muhamad Zaidani Haji Zinin

**AMBULANS
991**

**POLIS
993**

**BOMBA
995**

**PENYELAMAT
998**

**JKR
140**

**ELEKTRIK
144**

**NDMC
2380214**

Dari Sidang Pengarang.

29 JUN 2011 BERSAMAAN 1432 27

Miliki tanah bergeran ke arah kehidupan lebih selesa

SKIM Penggerangan Tapak Rumah di atas Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) diperkenalkan dengan tujuan mengurangkan beban kerajaan dalam penyediaan perumahan tempat tinggal bagi rakyat dan penduduk seperti Perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) dan Rancangan Perumahan Negara (RPN).

Pemberian hak milik tanah bergeran melalui Skim Penggerangan LTS akan dapat memberi jaminan kepada para pemilik untuk memiliki tanah secara bergeran yang mana dapat meneruskan penghidupan mereka dan keluarga dengan lebih selesa.

Walau bagaimanapun, pengeluaran geran-geran tanah (hak milik berdaftar) kepada warga Negara Brunei Darussalam khususnya bagi Tanah-Tanah LTS hendaklah terlebih dahulu mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Melalui Skim Penggerangan Tanah LTS, permohonan-permohonan yang telah dibenarkan menyertai STKRJ ataupun RPN ataupun Rancangan Pemberian Lot-Lot Tanah dengan sendirinya dibatalkan.

Sehubungan itu Majlis Penganugerahan Geran-Geran Tanah di bawah Skim Penggerangan Tanah LTS bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) berlangsung pada hari Isnin, 27 Jun 2011 di Dewan Sekolah Menengah Lambak Kiri, Berakas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan penganugerahan geran-geran tanah kepada 73 orang penerima.

Keberangkatan baginda bercemar duli menyempurnakan pengurniaan geran-geran tanah itu mencerminkan sikap keprihatinan, pemedulian serta rasa kasih sayang baginda kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Menurut perangkaan yang dikeluarkan, jumlah lot-lot tanah Skim Penggerangan Tanah LTS yang telah diserahkan di seluruh negara ialah 2,278. Dari jumlah tersebut DBM mencatatkan seramai 786 orang penerima iaitu dari tahun 1996 hingga 2009, sementara Daerah Belait ialah 557 orang penerima iaitu dari tahun 1997 hingga 2010.

Daerah Tutong pula dari tahun penyerahan 1994 hingga 2010 ialah seramai 828 orang penerima dan di Daerah Temburong dari tahun 2002 hingga 2008 ialah 107 orang penerima.

Semasa bertitah di Majlis Penganugerahan Geran-Geran Tanah, Skim Perancangan Semula Perpindahan Kampung-Kampung di kawasan Anggerik Desa, Berakas pada 13 Mac 1991, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain menegaskan bahawa satu-satu jenis harta yang paling bernilai, ialah tanah, seseorang akan menjadi dagang dan papa.

"Lebih baik sedikit wang dari tidak mempunyai tanah. Sebab daripada tanah itu, orang akan dapat bermacam-macam jenis rezeki, termasuklah rezeki kebebasan dan kemerdekaan. Adapun dua jenis rezeki ini tidak akan dapat dibeli, walaupun dengan wang ringgit yang banyak," titah baginda.

Bagi kitani semua yang bernaung di bumi Darussalam ini, seharusnya merasa bersyukur mempunyai seorang raja yang amat prihatin dan memeduli kesejahteraan serta kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini. - Pengarang.

Bercemar duli ke rumah-rumah para penerima geran tanah

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan
Ahmadi, Dk. Vivy Malessa Pg.
Ibrahim, Syuaib Haji Sulaiman
Foto : Haji Mohammad Yusof
Mohd. Yassin, Haji Masmaleh
Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli ke rumah para penerima geran-geran tanah di bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) Bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia membuat kunjungan tersebut selepas berkenan mengurnikan penganugerahan geran-geran tanah tersebut berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Lambak Kiri, di sini.

Kebawah DYMM mula-mula singgah di rumah kediaman Ketua Kampung Lambak 'B', Mejar (B) Awang Haji Mohammad Jair bin Haji Wahab.

Mejar (B) Awang Haji Mohammad Jair mula memegang jawatan Ketua Kampung Lambak 'B' pada 1 Februari 1997.

Kampung Lambak 'B' di bawah Mukim Berakas 'A' terletak kira-kira sebelas kilometer dari Pusat Bandar Seri Begawan dengan keramaian penduduk sebanyak 3,963 orang.

Baginda seterusnya meneruskan lawatan ke rumah penerima geran tanah di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS, Kampung Lambak, Awang Haji Liman bin Haji Raim dan Ampuan Bakar bin Ampuan Ajak diikuti ke rumah penerima geran tanah di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS, Kampung Orang Kaya Besar Imas, pada tahun 1999 iaitu Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Basar.

Baginda juga berkenan berangkat melawat ke rumah bantuan daif yang dibayai oleh Majlis Ugama Islam Brunei kepunyaan Dayang Aminah binti Timbang di Kampung Orang Kaya Besar Imas.

Selepas itu, baginda juga berkenan berangkat melawat ke rumah penerima geran tanah di bawah Skim Penggeranan LTS di Kampung Manggis Satu, Awang Masadine Isma bin Haji Serudin dan ke rumah kediaman penerima geran tanah di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS, Kampung Manggis, pada tahun 2007 Dayang Aminah binti Haji Abdul Rahman.

Kemudian baginda berkenan berangkat melawat ke kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Mohd. Daud bin Karim yang juga Ketua Kampung Belimbing.

Kampung Belimbing yang mempunyai penduduk seramai 1,977 orang itu mempunyai kemudahan-kemudahan awam seperti masjid, sekolah rendah dan sekolah agama, pejabat pos, pos polis selain dari kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Setelah itu, baginda juga dijunjung melihat pameran dan aktiviti penduduk kampung berkenaan.

Semasa kunjungan tersebut, baginda berkenan berinteraksi dan beramah mesra bersama para penerima geran tanah dan penduduk kampung.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke kediaman Dayang Aminah binti Timbang di Kampung Orang Kaya Besar Imas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke kediaman Ketua Kampung Lambak 'B', Mejar (B) Awang Haji Mohammad Jair bin Haji Abdul Wahab.



KEBAWAH DYMM ketika berangkat ke kediaman Dayang Aminah binti Haji Abdul Rahman di Kampung Manggis, Mukim Berakas.



BAGINDA ketika berangkat ke kediaman seorang penerima, Awang Haji Liman bin Haji Raim di Kampung Lambak.



BAGINDA ketika berangkat ke rumah pengusaha Produk Batik (Industri Kotek), Dayang Hajah Che Yam binti Che Ibrahim di Kampung Belimbang, Jalan Subok.



BAGINDA ketika berangkat ke kediaman, Awang Masadine Isma bin Haji Serudin di Kampung Manggis Satu.



BAGINDA ketika berangkat ke kediaman Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Basar di Kampung Orang Kaya Besar Imas.



BAGINDA ketika berangkat ke kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara, juga selaku Ketua Kampung Belimbang, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim.

Anugerah Penulisan Islam kukuhkan Brunei Negara Zikir berkonseptan MIB

Oleh :
Lina Hafizah Haji Jumat
Foto :
Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Isnin, 27 Jun. - Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bertujuan mengangkat dan mengukuhkan kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir yang berpegang teguh kepada konsep negara Melayu Islam Beraja (MIB) serta mendaulatkan dan menyebarkan dakwah islamiah di kalangan penduduk negara ini melalui penulisan pemikiran keislaman.

Pengarah Urusan YSHHB selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kerja Anugerah Penulisan Islam YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud ketika berucap demikian di Majlis Anugerah Penulisan Islam YSHHB yang bertempat di Grand Ball Room, Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel and Country Club menjelaskan, dengan perwujudan anugerah tersebut akan lebih menggalakkan pertumbuhan, perkembangan dan meningkatkan penghasilan karya penulisan Islam yang bermutu tinggi dan menambah khazanah buku-buku tentang pemikiran keislaman yang



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di Grand Ball Room, Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel and Country Club.

sekali gus dapat menjadi pendorong kepada belia dan generasi muda untuk bergiat dalam bidang penulisan Islam yang sudah tentunya membuka langkah kepada mereka untuk menghayati peranan agama Islam yang sebenar baik dalam bidang pentadbiran, politik, ekonomi, sosiobudaya bangsa dan semua aspek kehidupan di dunia ini.

Di samping memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada penulis atas sumbangan mereka yang berterusan dalam memperkaya khazanah penulisan Islam yang berkualiti katanya, anugerah tersebut juga akan menjadi wahana

dalam menyebarkan maklumat mengenai kepentingan meminima ilmu melalui pembacaan dan seterusnya melaahirkan model insan yang berpengetahuan dan berkemahiran serta dapat mencetuskan inspirasi kepada rakyat Negara Brunei Darussalam untuk mencapai kecemerlangan dan kemajuan melalui sumbangan yang unggul dalam mendakwah, perkembangan Islam dan kemajuan tamadun negara.

Beliau seterusnya mengimbau sedikit maklumat anugerah tersebut dengan menyatakan bahawa Ahli Panel Penilai Anugerah Penulisan Islam telah ditubuhkan pada 12 Febru-

ruari 2010, telah membuat penilaian terhadap buku-buku yang dihasilkan oleh karya penulis tempatan perseorangan yang diterbitkan sama ada di dalam atau di luar negeri antara tahun 1992 hingga 2009 di mana sebanyak 71 tajuk buku telah dikumpulkan oleh Urus Setia Anugerah baik yang diterbitkan oleh jabatan-jabatan kerajaan, universiti, swasta dan orang perseorangan.

Daripada jumlah tersebut katanya, sebanyak 34 buah tajuk buku didapati layak untuk dinilai termasuk buku-buku yang telah dihasilkan oleh empat orang penulis veteran yang profilik yang terlibat dalam

penulisan Islam sejak awal tahun 1960-an.

Hasil penilaian tersebut, Ahli-ahli Panel Penilai men-



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik disembahkan penerangan semasa menyaksikan mini pameran di Majlis Anugerah Penulisan Islam YSHHB.



YANG Teramat Mulia berkenan mengurniakan Anugerah Penulisan Islam YSHHB kepada Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (kiri) dan kepada Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin (kanan).



YTM berkenan mengurniakan Anugerah Penulisan Islam YSHHB kepada Pengetua Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar (kiri) dan kepada wakil Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman.

Empat penulis menerima Anugerah Penulisan Islam YSHHB

Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid,
Lina Hafizah Haji Jumat
Foto :
Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Isnin, 27 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) kepada empat penulis veteran tempatan di Grand Ball Room, Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Empat penerima tersebut terdiri, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin; Pengetua Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar dan Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman.

Keempat-empat penulis ter-

sebut telah menyumbangkan perkembangan dan penyebaran agama Islam melalui tulisan mereka yang berkualiti dan keempat-empat penulis tersebut dianugerahkan sebagai Penerima Khas Anugerah Penulisan Islam YSHHB, iaitu sebagai tokoh atau pakar dalam bidang penulisan masing-masing.

Ahli-ahli Panel Penilai Anugerah Penulisan Islam YSHHB, telah membuat penilaian terhadap buku-buku yang dihasilkan oleh penulis-perseorangan tempatan yang diterbitkan di dalam dan di luar negara antara tahun 1992 hingga 2009 dan daripada penilaian tersebut, didapati empat orang penulis yang profilik layak untuk menerima anugerah tersebut yang mana hasil karya mereka itu dijadikan sebagai bahan rujukan sehingga sekarang.

Pemberian Anugerah Penulisan Islam YSHHB, diwujudkan antara lain bertujuan memberikan penghormatan dan pengiktirafan tertinggi kepada penulis-penulis tanah air yang telah memberikan sumbangan yang cemerlang dalam memperkembangkan, memperkuuhkan dan memartabatkan syiar dakwah islamiah melalui hasil karya mereka dalam penulisan nonkreatif berunsur Islam yang bermutu tinggi.

Anugerah tersebut merupakan satu lagi rancangan YSHHB, dalam menyumbang perkembangan syiar Islam, di



samping menanam semangat kecemerlangan dalam bidang sosiobudaya di kalangan rakyat negara ini selaras dengan dasar dan tujuan penubuhan YSHHB.

Dengan adanya anugerah tersebut dihasratkan dapat memberikan galakan bagi mendorong para penulis di negara ini khususnya generasi muda untuk bergiat aktif untuk menghasilkan karya penulisan Islam yang bermutu tinggi.

Terdahulu, keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia

dijunjung oleh Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Juga berangkat, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria

dapat agak sukar untuk membuat penilaian terhadap empat orang tokoh penulis tersebut kerana tulisan mereka yang begitu banyak dan sangat bermutu, dijadikan buku rujukan baik di sekolah agama, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi, jabatan kerajaan, sektor swasta dan orang perseorangan.

Menurutnya, berdasarkan rumusan Ahli Panel Penilai Anugerah Penulisan Islam YSHHB bahawa empat orang penulis veteran ini telah sama-sama menyumbangkan perkembangan dan penyebaran agama Islam melalui tulisan mereka yang bukan sedikit dan mencadangkan supaya mereka dianugerahkan sebagai 'Penerima Khas' Anugerah Penulisan Islam sebagai tokoh atau pakar dalam bidang penulisan masing-masing.



Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, YTM berkenan menyaksikan mini pameran dan seterusnya bergambar ramai bersama penerima anugerah.

YTM menerima mengadap TYT David Lee Carden

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Duta Besar Amerika Syarikat ke Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Tuan yang Terutama David Lee Carden.

Yang Teramat Mulia mengalu-alukan Tuan Yang Terutama di Ibu Pejabat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan di sini dan berbincang mengenai usaha-usaha bagi meningkatkan lagi hubungan ASEAN dan Amerika Syarikat.

TYT yang beribu pejabat di Jakarta, Republik Indonesia berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan dua hari.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Duta Besar Amerika Syarikat ke Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Tuan yang Terutama David Lee Carden. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.



Pencadang juarai Titian Minda Tahun 2011

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Jun. - Seramai sepuluh pelajar, lima pelajar Negara Brunei Darussalam dan lima pelajar Republik Singapura berentap dalam program televisyen realiti, Pertandingan Bahas Titian Minda Tahun 2011 bertempat di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman dan Anggota Parlimen dan Ketua Delegasi Kementerian

Penerangan, Perhubungan dan Kesenian, Republik Singapura, Yang Berhormat Encik Zaqy Mohamad.

Juara Titian Minda Tahun 2011 ialah daripada pihak pencadang dan naib juara pula dimenangi oleh pihak penyanggah dengan tajuk perbincangan mereka 'Media Baru Membawa Padah'.

Manakala bagi persembahan terbaik pula dimenangi oleh peserta Negara Brunei Darussalam,

him di antara kedua-dua negara dengan menguji para penuntut dalam bentuk pemikiran serta lakonan pentas.

Pelajar yang terlibat termasuk dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adul Bolkiah, Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Ma'had Islam Brunei dan SMALHB.

Titian Minda adalah sebahagian daripada program tahunan di bawah MoU dalam bidang penyiaran yang ditandatangani antara Brunei dengan Singapura pada tahun 1990.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman bergambar ramai bersama para peserta Pertandingan Bahas Titian Minda Tahun 2011. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Persembahan seni sitkom berperanan meningkatkan penghayatan masyarakat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nadiah Ibrahim
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

Persembahan seni seperti sitkom mempunyai peranan yang bukan saja meningkatkan penghayatan dan minat orang ramai, tetapi juga sebagai media untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim ketika berucap demikian di Pertandingan Akhir Sitkom di Dewan Digadong KKBS menjelaskan, persembahan sitkom boleh menyelitkan unsur-unsur kesedaran masyarakat, isu semasa, dasar-dasar kerajaan, nilai-nilai kerohanian dan moral, untuk men-

cetusan semangat cinta-kank tanah air, raja dan agama.

Maklumat ini menurutnya, mungkin mudah diterima kerana ianya disampaikan dalam situasi harian dan dalam bentuk lawak jenaka.

Selain dari itu katanya, para peserta digalakkkan menggunakan bukan saja bahasa Melayu, tetapi juga bahasa-bahasa peribumi dalam persembahan sitkom.

Kepelbagaian bahasa dan dialek yang digunakan jelasnya, adalah bersesuaian dan boleh memperkenalkan serta mengangkat kembali bahasa-bahasa peribumi ini, Dewan Bahasa dan Pustaka

(DBP) sedang berusaha mengadakan kamus ringkas bahasa Melayu dan bahasa peribumi di laman web DBP.

Beliau menyatakan, dengan pendekatan ini pertandingan sitkom secara tidak langsung boleh membantu dalam menyebarkan dan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa-bahasa peribumi di Negara Brunei Darussalam selaras dengan tema festival bahasa dan sastera tahun ini iaitu 'Cintailah Bahasa Melayu dan Bahasa Peribumi'.

Beliau seterusnya menjelaskan, dalam usaha meningkatkan pengetahuan mengenai bahasa Melayu dan bahasa peribumi ini, Dewan Bahasa dan Pustaka

menyertai pertandingan tersebut iaitu dari Kumpulan Bilis. Turut hadir Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah binti Haji



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim hadir di Pertandingan Akhir Sitkom.

Momin, ketua-ketua jabatan, dan pengarah-pengarah kementerian tersebut.

Para peserta ASFN diraikan dengan Majlis Makan Malam

JERUDONG, Selasa, 21 Jun. - Para peserta Persidangan Rangkaian Sosial Perhutanan ASEAN (ASEAN Social Forestry Network Conference - ASFN) Ke-2 diraikan dengan Majlis Makan Malam berlangsung di Restoran Tarindak, Jerudong Park and Country Club, di sini.

Lebih 180 peserta terdiri dari pakar-pakar dan wakil-wakil dari negara-negara ASEAN, pertubuhan-pertubuhan rakan kongsi dari organisasi-organisasi antara kerajaan dan pertubuhan bukan ke-

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

rajaan serta masyarakat awam menghadiri majlis yang diberikan oleh Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Juga hadir, Duta Besar

Switzerland ke ASEAN, Tuan Yang Terutama Heinz Walker-Nederkoorn dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Joseph K.H. Koh.

Di majlis itu tetamu kehormat juga menyempurnakan Pelancaran Buku Pertama ASFN dengan kerjasama RECOFTC - Pusat Kemanusiaan dan Hutan: Peranan Sosial Perhutanan Dalam Peng-

urangan Perubahan Iklim dan Penyesuaian Dalam Rantau ASEAN (The Centre People and Forest: The Role of Social Forestry in Climate Change Mitigation and Adaptation in ASEAN Region) dan Buku Keluaran Kedua Penerangan Negara ASFN Dalam Peranan Sosial Perhutanan, Pengurangan dan Penyesuaian Perubahan Iklim (2nd Edition of AFSN Country Briefss on The Role of Social Forestry in Climate Change Mitigation and Adaptation) di dalam setiap negara anggota ASEAN.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir di Majlis Makan Malam bagi meraikan peserta Persidangan Rangkaian Sosial Perhutanan ASEAN Ke-2. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Pemilik, penyewa bangunan disaran mengibarkan bendera kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-65 Bagi Tahun 2011 yang akan menjelang tidak lama lagi, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan meminta kerjasama dan jasa baik pemilik / penyewa bangunan dan kedai supaya akan dapat mengibarkan bendera kebangsaan dan memasang kain rentang di bangunan dan kedai masing-masing mulai 1 Julai 2011 hingga 31 Julai 2011 dalam sama-sama memupuk semangat kebangsaan dan patriotik serta perasaan cinta kepada raja dan negara.

Dalam hubungan ini, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan juga mengingatkan supaya pemilik / penyewa bangunan dan kedai akan dapat mengambil langkah-langkah untuk membisaikan dan mencantikkan premis masing-masing seperti mencat semula permukaan bangunan yang dalam keadaan pudar serta membuang dan membersihkan tumbuhan-tumbuhan liar pada bangunan tersebut.

Selain daripada itu, paip pembetungan bagi saliran air hujan yang patah / pecah hendaklah diperbaiki, papan tanda iklan perniagaan yang disimpan / digantung pada tempat yang tidak bersesuaian hendaklah dibuka dan diturunkan, manakala paip-paip air yang termasuk di bahu jalan longkang atau parit dan harta benda kerajaan lainnya mestilah sentiasa dilindungi daripada sebarang gangguan.

Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan berharap agar semua pemilik dan penyewa premis bangunan dapat melaksanakan kehendak-kehendak di atas dengan penuh komitmen dan bersatu padu bagi memeriahkan dan menyemarakkan lagi sambutan perayaan berkenaan dalam persekitaran yang bersih, cantik dan teratur.

Brunei sokong Pelan Tindakan Perikanan Berdaya Tahan

THAILAND. - Negara Brunei Darussalam menyokong Pelan Tindakan Mengenai Perikanan Berdaya Tahan Bagi Keselamatan Makanan Untuk Rantau ASEAN menjelang 2020 (Plan of Action on Sustainable Fisheries for Food Security for the ASEAN Region Towards 2020), di samping mengeksahkan resolusi mengenai pelan tindakan tersebut.

Menyokong Pelan Tindakan Mengenai Perikanan Berdaya Tahan Bagi Keselamatan Makanan Untuk Rantau ASEAN menjelang 2020 (Plan of Action on Sustainable Fisheries for Food Security for the ASEAN Region Towards 2020), di samping mengeksahkan resolusi mengenai pelan tindakan tersebut.

kok pada 17 Jun.

Pada mesyuarat itu, Yang Berhormat juga memaklumkan program-program yang dilaksanakan dalam sektor perikanan di Negara Brunei Darussalam serta langkah-langkah yang diambil bagi memastikan sumber perikanan dan akuakultur yang berterusan untuk menjamin keselamatan makanan menjelang 2020.

Mesyuarat tersebut dibuka rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri Negara Thailand, Yang Berhormat Trairong Suwankirikhan dan dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Koperasi Thailand, Yang Berhormat Theera Wongsamut.

Delegasi Brunei Darussalam turut disertai oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama

(Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim serta pegawai-pegawai KPSSU dan Jabatan Perikanan.

Para menteri ASEAN dan SEAFDEC pada mesyuarat itu juga mengakui akan kepentingan sektor perikanan dalam ASEAN dan perannya dalam memberikan sumbangan kepada perkembangan nasional, keselamatan makanan, perkembangan yang berterusan dan dalam meningkatkan tahap kehidupan penduduk.

Selain dari itu para menteri juga menyedari akan cabaran-cabaran yang timbul dan perubahan alam sekitar yang dihadapi oleh sektor perikanan seperti penurunan sumber perikanan dan habitatnya, perubahan yang ketara dalam syarat-syarat perdagangan dan pasaran makanan laut serta impak dari perubahan cuaca terhadap industri perikanan.

Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN dan SEAFDEC yang bertanggungjawab terhadap bidang perikanan itu juga mengesahkan satu resolusi diikuti dengan pelan tindakan yang akan memberikan hala tuju setiap negara ahli ke arah sumber perikanan yang berterusan dan keselamatan makanan.

Resolusi ini adalah sebagai menyahut kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sektor perikanan pada masa ini dan di masa akan datang menjelang 2020.

Ia juga akan dihadapkan untuk disahkan oleh Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) nanti.

Sempena mesyuarat itu satu pameran dari semua negara anggota SEAFDEC dan ASEAN yang memperkenalkan aktiviti-aktiviti setiap negara ahli dalam menuju perikanan berdaya tahan dan keselamatan makanan juga diadakan.

NBD terawal meratifikasi FCTC dalam pelaksanaan pengawalan tembakau



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Momin menghadiri Bengkel Perundingan Bagi Pembangunan Rancangan Kawalan Tembakau Negara (Consultative Workshop for the Development of the National Tobacco Control Plan). - Foto : Haji Mohammad Yusof Mohd. Yassin.

Oleh : Nooratini Haji Abas,
Nadiyah Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Jun. - Kira-kira 45 orang terdiri daripada Kementerian Kesihatan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Polis Diraja Brunei, dan Muara

mengikuti 'Bengkel Perundingan Bagi Pembangunan Rancangan Kawalan Tembakau Negara' (Consultative Workshop for the Development of the National Tobacco Control Plan).

Hadir dan merasmikan bengkel ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Momin yang berlangsung di Bilik Me-

syuarat, Hotel Antara-Bangsa Rizqun Gadong, di sini.

Menurut Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, satu per tiga dari perokok di dunia tinggal di rantau Pasifik Barat yang mana dua orang meninggal dunia setiap minit akibat penyakit yang berkaitan dengan tembakau berbanding dengan rantau-rantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO) yang lain.

Ini kerana katanya, Pasifik Barat mempunyai jumlah perokok terbesar, antara kadar perokok lelaki tertinggi dan meningkatnya penggunaan tembakau terpantas di kalangan wanita dan remaja dan menurut kajian baru-baru ini menunjukkan sehingga 50 peratus remaja di rantau itu kerap terdedah kepada pencemaran asap tembakau di rumah mereka.

Pelan Tindakan Serantau Bagi Inisiatif Bebas Tembakau Dalam Rantau Pasifik Barat

telah disejajarkan pada tahun 1990 hingga 1994 dan sejak itu banyak pencapaian telah dilaksanakan di rantau tersebut misalnya menjadikan rantau pertama di bawah WHO yang mencapai seratus peratus ratifikasi bagi 'WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)'.

"Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah salah sebuah negara yang terawal di rantau Pasifik Barat yang meratifikasi FCTC yang juga merupakan salah sebuah negara contoh di rantau tersebut dalam pelaksanaan langkah-langkah pengawalan tembakau seperti dasar bebas tembakau di tempat-tempat awam, pelaksanaan amaran kesihatan bergambar pada bungkus-bungkus produk tembakau, tegahan pengiklanan dan tajaan dari industri tembakau dan sebagainya," ujarnya.

Dengan adanya bengkel tersebut, beliau berharap ia akan menjadi platform bagi menggalakkan

kan mereka secara lebih dekat dalam hubungan kerja, di samping berharap agar bengkel akan berjaya mencapai objektif utamanya dalam membangunkan Pelan Tindakan Kawalan Tembakau Kebangsaan yang mampu membimbing usaha-usaha nasional dalam mengawal tembakau.

Sementara Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Persekutuan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail pula menyatakan bahawa penggunaan tembakau adalah penyebab kedua utama kematian di dunia hari ini.

Pada abad ke-20 kataanya, epidemi tembakau membunuh 100 juta orang di seluruh dunia dan jika langkah-langkah segera tidak diambil pada abad ke-21 ini ujarnya, boleh membunuh satu bilion orang manakala 80 peratus dari kematian tersebut akan berlaku di negara-negara yang sedang membangun.

Bengkel kemudiannya diikuti dengan Tinjauan

Pelan Tindakan Serantau yang disampaikan oleh Penasihat Serantau Bagi Inisiatif Bebas Tembakau WHO Western Pacific Regional Office, Dr. Susan Mecardo.

Bengkel ini bertujuan bagi mendukung Pelan Tindakan Serantau Bagi Inisiatif Bebas Tembakau Dalam Rantau Pasifik Barat 2010 / 2014 yang menggariskan tiga strategi utama iaitu mempromosi dan memperjuangkan di peringkat tertinggi kerajaan bagi pelaksanaan WHO FTC sepenuhnya dan ratifikasi protokol-protokol di bawahnya.

Selain itu, strateginya juga bertujuan untuk menggerak dan memperkuat penggalan dasar, pendukung kawalan tembakau dan masyarakat ke arah langkah-langkah pelaksanaan WHO FTC sepenuhnya, di samping menguatkan keupayaan organisasi dalam program pengawalan tembakau kerajaan untuk melindungi proses dasar kesihatan dari kepentingan campur tangan industri tembakau.

Petani, peladang didedahkan mengenai pengetahuan zakat



PEMANGKU Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanafiah hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Ceramah Fiqah Az-Zakat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kampung Pengkalan Batu, Taman Mini Perayaan Kampung Parit.



PEGAWAI Perundangan Syarie, Awang Muskrisman bin Haji Mustapa menyampaikan ceramah.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

MUKIM PENGKALAN BATU

Sabtu, 25 Jun. - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dengan kerjasama Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan satu ceramah Fiqh Az-Zakat kepada kira-kira 300 peladang padi yang beragama Islam dari seluruh Daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong yang kali ini dilaratkan kepada pengusaha pertanian dan ternakan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanafiah.

Ceramah mengenai Fiqh Az-Zakat yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan, Taman Mini Peayaan, Kampung Parit disampaikan oleh Pegawai Perundangan Syarie, Awang Muskrisman bin Haji Mustapa.

Dalam ceramahnya beliau antara lain menyentuh mengenai pengendalian zakat dalam

hasil keluaran pertanian termasuk jenis-jenis zakat dan hukum mengeluarkan zakat.

Ceramah juga menguraikan mengenai padi yang merupakan salah satu jenis bijirin yang wajib dikeluarkan zakat oleh para peladang di negara ini yang telah pun meningkat jumlahnya terutama bagi mereka yang mengusahakan tanaman tersebut.

Ceramah diikuti dengan sesi soal jawab bersama para peserta kursus.

Antara tujuan ceramah diadakan ialah untuk melahirkan kesedaran tentang rukun Islam yang keempat dengan kewajipan mengeluarkan zakat ditunaikan setiap tahun oleh para peladang beragama Islam apabila menerima hasil sampai haulnya, di samping memberi kefahaman tentang zakat padi dan tatacara mengeluarkannya.

Ceramah juga bertujuan untuk menimbulkan sifat rendah dan murah hati dengan mengamalkan zakat supaya tidak melepaskan tanggungjawab diri sebagai seorang yang beragama Islam apabila menerima hasil yang baik dan bertambah berkah.

Melalui ceramah tersebut diharap akan memberikan peluang kepada para peladang untuk mendapatkan ilmu bukan sahaja dunia termasuklah ukhrawi.

Juga hadir, pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KPSSU.

Pertandingan Mewarna Beg Kitar Semula meriahkan Tamu Hujung Minggu

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG, Ahad, 26 Jun. - Adik Nurul Wafaa' binti Haji Hamidun dari Sekolah Rendah Negalang dan Adik Tan Chai Hong dari Pai Yeuk School masing-masing muncul juara Pertandingan Mewarna Beg Kitar Semula 2011, di Tamu Aneka Selera, Pekan Bangar di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di pertandingan yang ber-

temakan 'Saya Suka Temburong' itu, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Haris bin Othman.

Penyampaian hadiah-hadiah disempurnakan oleh Pegawai Penguatkuasaan dan Perlesenan, Jabatan Daerah Temburong ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori 'A' bagi kanak-kanak berusia 6 hingga 8 tahun dan Kategori 'B' berusia 9 hingga 12 tahun.

Pertandingan antara lain bertujuan untuk memeriahkan lagi Tamu Hujung Bulan anjuran Jabatan Daerah Temburong yang mana dengan kemeriahannya ini serta kunjungan orang ramai ke tamu tersebut

Kitar Semula anjuran Bahagian Penguatkuasaan dan Perlesenan, Jabatan Daerah Temburong ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori 'A' bagi kanak-kanak berusia 6 hingga 8 tahun dan Kategori 'B' berusia 9 hingga 12 tahun.

Pertandingan antara lain bertujuan untuk memeriahkan lagi Tamu Hujung Bulan anjuran Jabatan Daerah Temburong yang mana dengan kemeriahannya ini serta kunjungan orang ramai ke tamu tersebut

akan dapat membantu para penjaja di tamu berkenaan menambah pendapatan mereka.

Dengan adanya pertandingan seumpamanya diharap akan dapat memberi kesedaran kepada para penduduk di daerah ini akan kepentingan menjaga kebersihan di kawasan-kawasan perniagaan, di samping bersama-sama menjaga alam sekitar khususnya di Daerah Temburong yang masih banyak diliputi dengan kehijauan hutan.



PEMENANG Peraduan Mewarna Beg Kitar Semula Kategori 'A', Nurul Wafaa' binti Haji Hamidun menerima hadiah dari Pegawai Penguatkuasaan dan Perlesenan, Jabatan Daerah Temburong, Dayang Siti Noorazlini binti Haji Bujang. - Foto : Ihsan Mohd. Fahmi Haji Hussin.

DENGAN adanya pertandingan seumpamanya diharap akan dapat memberi kesedaran kepada para penduduk di daerah ini akan kepentingan menjaga kebersihan di kawasan-kawasan perniagaan, di samping bersama-sama menjaga alam sekitar khususnya di Daerah Temburong yang masih banyak diliputi dengan kehijauan hutan.

Kursus Tasawuf menekankan pembentukan akhlak individu

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG, Sabtu, 25 Jun. - Seramai 49 peserta Kursus Ta'lim Wanita bagi Persatuan-persatuan Wanita Daerah Temburong yang berjaya menamatkan kursus, menerima sijil masing-masing disampaikan oleh Ketua Pegawai Ugama Kementerian Hal Ehwal Ugama, Daerah Temburong, Awang Haji Miramit bin Haji Damit.

Ketika berucap semasa majlis yang berlangsung di Dewan Muafakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar, beliau berkata kursus yang meliputi kursus zakat dan tasawuf itu memang kena pada tempatnya memandangkan dua perkara tersebut mengikut persepsi kebanyakan orang adalah didominasi oleh kaum lelaki sahaja berdasarkan kepada pihak lelaki adalah orang yang menanggung keluarga.

Oleh itu katanya, dengan adanya kursus tersebut persepsi sedemikian akan dapat diperbetulkan kerana kewajipan zakat tidak dikenakan ke atas gender, tetapi atas syarat Islam.

"Begini pula dalam kursus tasawuf yang menekankan kepada pembentukan akhlak setiap individu tidak mengira ianya lelaki atau perempuan kerana tasawuf yang paling ringkas menurut Imam Muhammad ibn Ali Al-Kitani ialah tasawuf adalah akhlak," jelasnya.

Oleh itu tambahnya, dengan adanya kursus tersebut diharap para peserta akan dapat mempraktikkan dalam kehidupan sehari-hari ataupun dikongsi bersama keluarga, rakan-rakan dan jiran-jiran apa yang telah dipelajari semasa kursus tersebut.

Terdahulu beliau menyatakan Kursus Ta'lim Wanita merupakan satu langkah yang baik kerana ia merupakan satu peluang untuk melibatkan mereka dalam menambah ilmu pengetahuan yang mana mereka kadang-kadang terlepas untuk mengikuti pembelajaran di peringkat muslimah masjid, kelas-kelas dewasa dan sebagainya disebabkan sebahagian dari mereka masih bertugas di Jabatan-Jabatan Kerajaan maupun di sektor swasta.

Seramai 22 peserta dari empat buah persatuan wanita Daerah Temburong menyertai kursus tersebut, manakala 25 peserta lagi dari lima persatuan menyertai Kursus Fiqh Az-Zakat anjuran Unit Kursus Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah.

Melalui kursus tersebut diharapkan akan dapat meningkatkan kefahaman yang sedia ada tentang pelajaran tasawuf dan zakat serta dapat dihayati dan diamalkan dalam kehidupan beragama dengan penuh keyakinan serta ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



KETUA Pegawai Ugama, Daerah Temburong, Awang Haji Miramit bin Haji Damit menyampaikan sijil kepada seorang ahli Persatuan Wanita Daerah Temburong yang mengikuti Kursus Ta'lim Wanita. - Foto : Ihsan Brunei Times.

Tiga pelajar ITAQSHHB ikuti pengajian di Darul Quran, JAKIM

Oleh : Siti Nadieya Haji Rahime

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Jun. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITAQSHHB) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bagi meraihkan tiga orang pelajar institut berkenaan yang akan melanjutkan pengajian

mereka ke Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di dalam Kursus Diploma Tahfiz Al-Qur'an Wal Qira'at bagi sesi pengajian tahun 2011 hingga 2014 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Haji Anuar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.

Majlis dimulakan dengan ucapan nasihat daripada tetamu kehormat majlis yang antaranya menyarakkan para pelajar supaya akan dapat mengambil peluang selain menimba ilmu sebanyak

yang boleh terutama ilmu-ilmu Al-Qur'an dan Qira'at, di samping menasihatkan supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan suasana pengajian yang baru secepat yang mungkin, berfikiran serta bertindak secara positif dan lebih matang.

Beliau juga berharap dengan penghantaran para pelajar pada tahun ini dan juga pelajar-pelajar lain di masa hadapan, Ne-

gara Brunei Darussalam akan dapat melahirkan lebih ramai lagi modal insan berkemahiran dalam bidang Al-Qur'an sekali gus akan menjadi para ahli di barisan hadapan yang akan dapat mendukung hasrat Negara Brunei Darussalam untuk menjadi sebuah Negara Zikir.

Majlis diteruskan dengan penyerahan tiket pernambangan dan eluan da-

ripada tetamu kehormat kepada tiga pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke Darul Quran JAKIM yang terdiri daripada Dayang Aqilah binti Haji Ayop, Dayang Nur Fairuza Syahira binti Haji Marsidi dan Dayangku Nurfaiezah binti Pengiran Haji Kamaluddin.

Bagi memberkati majlis, doa kesyukuran dibacakan oleh Haji Mahmoud Talaat Ali Hassan

El-Badweihi daripada ITAQSHHB dan diikuti dengan sesi ramah mesra para pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke Darul Quran JAKIM bersama tetamu kehormat.

Turut hadir, Pengetua ITAQSHHB, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, pegawai-pegawai, guru-guru ITAQSHHB dan ibu bapa pelajar yang diraikan.

Laman web Sekolah St. Margaret dilancarkan



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Matusin bin Orang Kaya Haji Tuba melancarkan Laman Web dan Sistem Pengurusan Maklumat Penuntut (SIMS) Sekolah St. Margaret.

Menyemai minat generasi muda dalam penulisan syair

Oleh : Mohamad Aqilah Draman

TUNGKU, Sabtu, 25 Jun. - Untuk menyemai minat serta menggalakkan generasi muda meluahkan gagasan intelektual mereka dengan penuh tertib dan sopan melalui penulisan syair, satu Bengkel Penulisan dan Menambah Syair bagi guru-guru sekolah menengah, maktab kerajaan dan swasta di seluruh negara berlangsung di Fakulti Akademi Pengajaran Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Bengkel yang disertai oleh lebih kurang 75 guru sekolah menengah, maktab kerajaan dan swasta seluruh negara bertujuan untuk mempergiatkan lagi penulisan dan menambah syair di kalangan guru-guru di negara ini selain bertujuan untuk menghayati, menghargai, memelihara, mem-

pertahankan dan mencintai keseluruhan seni budaya Melayu Brunei yang berpaskan MIB.

Setiap sekolah menghantar dua guru bagi sebagai persediaan awal sekolah-sekolah berkenaan mempersiapkan wakil sekolah masing-masing ke Perpaduan Menambah Syair Perlembagaan Negeri Brunei bagi sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab, pendidikan swasta dan Pusat-Pusat Tingkatan Enam senegara tahun 2011, yang akan dijadualkan pada bulan September depan.



GURU-GURU sekolah menengah, maktab kerajaan dan swasta di seluruh negara semasa hadir mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid (Pensyarah Universiti Brunei Darussalam) pada Bengkel Penulisan dan Menambah Syair. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarallie

SERIA, Sabtu, 25 Jun. - Sekolah St. Margaret kini mempunyai laman web dan juga Sistem Pengurusan Maklumat Penuntut (SIMS)nya sendiri yang dilancarkan oleh tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Awang Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba.

Tetamu kehormat semasa melancarkan majlis tersebut berkata walau bagaimanapun canggih alat teknologi moden masa kini, jika tidak ada manusia yang pandai menggunakanannya sudah tentu alat tersebut tidak ada gunanya.

Beliau menambah semua alat-alat teknologi yang disediakan oleh orang-orang tertentu di dunia ini memang untuk digunakan, oleh itu kanak-kanak perlu belajar

menggunakannya kerana di masa akan datang, dengan apa cara sekalipun, mereka mesti pandai menggunakanannya, barulah teknologi-teknologi yang diperkenalkan itu berguna dan bermanfaat.

Awang Matusin seterusnya mengingatkan dalam menggunakan alat-alat tersebut, setiap orang perlu mempunyai disiplin supaya ianya tidak disalahgunakan.

"Kita tidak mahu ada di kalangan masyarakat kita atau penuntut-penuntut kita yang ditangkap kerana menyalahgunakan teknologi ini," pesannya.

Sekolah St. Margaret ditubuhkan pada tahun 1956 di Lorong Tiga Seria dengan keramaian pelajarannya pada ketika itu 30 orang. Sejak dari itu, se-

kolah berkenaan berharap untuk mengembangkan sistem pengurusan dan pendidikannya bukan hanya mendedahkan pelajar-pelajarannya kepada pendidikan terbaik tetapi juga meliputi teknologi terkini kepada perkhidmatan yang terbaik kepada ibu bapa, pelajar dan negara. Sekolah tersebut kini mempunyai 854 pelajar yang boleh mereka banggakan.

Laman web sekolah yang dilancarkan itu bertujuan untuk menyediakan maklumat kepada ibu bapa, pelajar dan orang ramai mengenai sekolah tersebut secara amnya, aktiviti sekolah, penggal sekolah, di samping menyediakan platform bagi menyampaikan penghargaan kepada sekolah, pencapaian pengiktirafan pelajar dan sebagainya.

Sementara SIMS pula, sama seperti laman web, boleh dilayari melalui web dan ianya menyedia-

kan platform yang mana ibu bapa boleh menyaksikan pencapaian sekolah anak-anak mereka sama ada dari segi akademik dan sebagainya.

Di samping itu sistem berkenaan juga menyediakan ibu bapa dengan rujukan pemberitahuan mengenai jadual waktu harian anak-anak mereka, nota kerja rumah dan lain-lain lagi.

Sistem pengurusan tersebut ditubuhkan bertujuan untuk memperkuatkan komunikasi lebih efektif antara ibu bapa dan sekolah, di samping membantu usaha pihak-pihak yang berusaha untuk memelihara bumi hijau dan menyelamatkan pokok selain untuk memberi penghargaan kepada ibu bapa dan orang perseorangan yang terus-menerus memberi sokongan kepada sekolah sepanjang 55 tahun.

Penuntut Sekolah Menengah Sains Kuching lawat UBD



ROMBONGAN Sekolah Menengah Sains Kuching, Sarawak membuat lawatan ke Universiti Brunei Darussalam bagi program kerjasama peringkat antarabangsa sekolah. - Foto : Masri Osman.

Oleh : Abdullah Asgar

TUNGKU, Sabtu, 25 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini mengalu-alukan serom-

bongan penuntut Sekolah Menengah Sains Kuching dari Sarawak yang sedang dalam lawatan ke negara

ini.

Ketibaan rombongan yang diketuai Guru Kanan, Dayang Siti Zulaiha binti Haji Ibrahim dan di temani lima orang guru, dialu-alukan oleh pegawai-pegawai UBD dan se-

terusnya diberikan taklimat mengenai sejarah dan perkembangan Fakulti Sains UBD.

Kemudian mereka mendengar ucapan ringkas dari Hal Ehwal Pelajar dan pengenalan pada Majlis Pelajar UBD oleh wakil Hal Ehwal Pelajar UBD.

Selain itu rombongan pelawat dibawa melawat ke perpustakaan dan kawasan UBD termasuk beberapa buah bangunan fakulti dan kemudahan asrama lelaki dan wanita UBD.

Lawatan itu bertujuan bagi mengetahui lebih lanjut mengenai UBD kerana UBD dalam visinya untuk menjadi sebagai sebuah universiti antarabangsa yang unggul di negara ini setaraf dengan universiti-universiti antarabangsa yang lain.

Program Kemas Kini Perubatan Kecemasan 2011 dilancarkan

KUALA BELAIT, Jumaat, 24 Jun. - Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait menganjurkan Program Mengemas Kini Perubatan Kecemasan 2011 diselajurkan dengan Pelancaran Surat Berita bertempat di Dewan Kuliah, Blok R hospital berkenaan.

Majlis Pelancaran Program tersebut disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil yang juga menyampaikan sijil kepada para penceramah.

Dadah rosakan akal fikiran

Oleh :
Hezlinawati Haji
Abd. Karim

TEMBURONG, Ahad, 26 Jun. - Akal yang rosak boleh menghancurkan akidah dan dadah yang dilihat seperti tidak ada apa-apa itu mempunyai kesan sampingan dan boleh merosakkan otak dan akal.

Keburukan dadah tersebut antara yang disentuh dalam Ceramah Khas yang disampaikan oleh juara Imam Muda Musim 1 daripada Program Astro Oasis, Mohammad Asyraf bin Mohammad Ridzuan yang diadakan di ruang legar Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis ini, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Haris bin Othman.

Imam Muda Mohammad Asyraf berkata dadah itu ada kaitan dengan akidah apabila otak kita terjerumus kepada kegalan kawalan maka akidah akan mudah terpesong dan ramai mereka yang terlibat dengan dadah meninggalkan segala-galanya se-

Menurut Pemangku Pegawai Jururawat Hospital SSB, Awang Salehkamal bin Haji Badarudin, Program Mengemas Kini Perubatan Kecemasan 2011 yang dianjurkan oleh Bahagian Kemalangan dan Kecemasan hospital berkenaan merupakan kesinambungan daripada Simposium Kebangsaan Mengenai Kemalangan Kecemasan yang pertama telah diadakan bulan Januari tahun lepas.

Program bertema 'Konsep Masa Kini Dalam Perubatan Kecemasan' dan Pelancaran Surat Berita bertujuan untuk mempertingkatkan lagi motivasi dalam perkhidmatan.

Program disertai 120 jururawat dan pegawai perubatan dari hospital-hospital kerajaan dan

mempertingkatkan lagi perhubungan antara bahagian-bahagian di Hospital SSB dan bahagian-bahagian lain serta mempelajari kemahiran-kemahiran baru iaitu dalam aspek gangguan dan teknologi dalam perubatan kecemasan dan untuk memberi motivasi kepada kakitangan terutama kakitangan Bahagian Kecemasan dan Kemalangan serta untuk mempertingkatkan lagi motivasi dalam perkhidmatan.

Di majlis itu juga empat penceramah dari Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Hospital SSB yang terdiri daripada Dr. Haji Ahmad Yazid, William Chong, Dr. Ang Swee Hui dan Dr. Po Thaw Da menyampaikan ceramah masing-masing.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil menyampaikan sijil kepada seorang penceramah.



PENCERAMAH jemputan, juara Imam Muda Musim 1, Astro Oasis, Mohammad Asyraf bin Mohammad Ridzuan menyampaikan Ceramah Khas yang disempennakan dengan sambutan memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2011. - Foto : Ihsan Mohd. Fahmi Haji Hussin.

hingga sanggup membunuh ibu bapa mereka.

Dadah itu katanya tidak memberikan ketenangan kepada umat manusia melainkan hanya mendatangkan kemudarat dan sebaliknya yang memberi ketenangan itu ialah Allah Subhanahu Wata'ala.

Ceramah Khas adalah disempennakan dengan Sambutan Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah

Haram 2011 yang disambut setiap 26 Jun.

Juga hadir pada sambutan yang bertemakan 'Kekuatan Rohani Menolak Dadah' ini ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Sambutan pada tahun ini lebih menjurus kepada kerohanian yang mana ia antaranya diharap dapat menerapkan keyakinan orang ramai bahawa agama Islam juga sebenarnya merupakan kekuatan jati diri seseorang umat Islam yang mampu menangkis segala cabaran dan pengaruh negatif.

Pendekatan ini juga memberi gambaran bahawa amalan agama Islam dapat memberikan ketenangan jiwa dan minda jika seseorang menghadapi tekanan hidup dan bukannya memilih dadah sebagai jalan keluar.

Sumbangan, jasa jururawat dan bidan mendapat penghargaan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG, Jumat, 24 Jun. - Profesional jururawat dan bidan sangat mulia yang mana selain merawat pesakit, mereka juga merupakan antara barisan depan yang bertanggungjawab menentukan kejayaan sistem dan pengurusan penjagaan kesihatan di negara ini.

Justeru dalam memperingati sumbangan dan jasa mereka, sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa bagi Daerah Temburong telah dilangsungkan di ruang legar Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam (PIHM), di Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Rani bin Haji Mohd. Yusof.

Di majlis tersebut beberapa jururawat dan bidan yang telah lama berkhidmat dan memberi perkhidmatan yang cukup cemerlang kepada para pesakit dan juga orang awam yang memerlukan khidmat mereka telah menerima anugerah masing-masing yang disampaikan oleh Awang Haji Abdul Rani.

Anugerah Bidan Berjasa diterima oleh Dayang Hajah Jalia binti Ahman; Anugerah Bidan Berbakti diterima oleh Pengiran Nurul 'Ain binti Pengiran Haji Junaidi, Maria Bellinda Socorro A. Abrera dianugerahkan Jururawat Berjasa dan Faridah anak Linggi dianugerahkan Jururawat Berbakti manakala Chin Nam

menerima Anugerah Jururawat Cemerlang. Selain penyampaian anugerah, majlis tersebut juga memperkenalkan gambar-gambar dan barang-barang lama yang pernah digunakan di hospital berkenaan.

Sambutan anjuran Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan Hospital PIHM Daerah Temburong itu antara lain bertujuan bagi mendedakkan jurang perbezaan dalam pemberian perkhidmatan kesihatan dengan meningkatkan silaturahim bersama jururawat dan bidan, di samping membantu usaha Kementerian Kesihatan bagi menerapkan budaya amalan cara hidup sihat kepada rakyat Negara Brunei Darussalam.



PENGARAH Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Rani bin Haji Mohd. Yusof menyampaikan Anugerah Bidan Berjasa kepada Dayang Hajah Jalia binti Ahman. - Foto : Mohd. Fahmi Haji Hussin.

Masjid RIPAHS anjur Kursus Tafsir Al-Qur'an, Akidah

RIMBA, Ahad, 26 Jun. - Ahli Jawatankuasa Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS) buat julung kalinya mengadakan Kursus Tafsir Al-Qur'an dan Kursus Akidah di masjid berkenaan.

Kursus tersebut dibimbing oleh pegawai-pegawai daripada Pusat Da'wah Islamiyah, Drs. Haji Ismuadi bin Haji Abdullah dan Awang

Haji Alihassan bin Haji Mohd. Said.

Antara tujuan kursus tersebut ialah untuk menambahkan lagi ilmu para peserta yang kebanyakannya terdiri daripada penduduk Kampung Rimba selain mengeratkan lagi silaturahim dan ukhuwah serta rasa kekeluargaan di kalangan para peserta.

Ia juga mendedahkan para peserta memahami tahunan bagi masjid tersebut.

mendalam dari sekadar membaca tanpa memahaminya, di samping menguatkan lagi akidah para peserta supaya dapat menghindari ajaran-ajaran sesat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Kursus itu akan dijadikan sebagai acara tahunan bagi masjid tersebut.

ANTARA tujuan kursus tersebut ialah untuk menambahkan lagi ilmu para peserta yang kebanyakannya terdiri dari penduduk Kampung Rimba selain mengeratkan lagi silaturahim dan ukhuwah serta rasa kekeluargaan di kalangan para peserta.

Mohd. Khalid dan Amira Imanina juara menghafal surah pilihan, lazim



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejaheneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan hadiah kepada juara bagi Kategori 15 Tahun Ke Bawah, Awang Mohd. Khalid bin Rafian.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



PEMERINTAH ABDB menyampaikan hadiah kepada juara bagi Kategori 10 Tahun Ke Bawah, Dayang Amira Imanina Batrisya binti Haji Azman.

BERAKAS GARISON, Jumaat, 24 Jun. - Awang Mohd. Khalid bin Rafian muncul juara bagi Kategori 15 Tahun Ke Bawah dan Dayang Amira Imanina Batrisya binti Haji Azman pula menjuarai Kategori 10 Tahun Ke Bawah Pertandingan Akhir Menghafal Surah-Surah Pilihan dan Surah-Surah Lazim Bagi Anak-Anak Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang diadakan di Dewan Pahlawan, di sini.

Juara, Awang Mohd. Khalid memperolehi 79 peratus markah, sementara naib johan, Dayang Saizatul Natasha binti Saipol Rizal mendapat 66 peratus markah dan tempat ketiga, Awang Ahsanuddin bin Siman mengutip 63.5 peratus markah.

Sementara itu, johan Kategori 10 Tahun Ke Bawah, Dayang Amira Imanina Batrisya mendapat 96 peratus markah, diikuti Dayang Nurul Amalia Asyiqin binti Alidin di tempat kedua mendapat 92 peratus markah dan tempat ketiga, Dayang Ayishah binti Dr. Mas Irman Rukmino mendapat 91 peratus markah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah-hadiah Pemerintah ABDB, Mejaheneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Operasi Agama ABDB, Leftenan Ariffin

bin Amit diikuti ucapan alu-aluan Pengurus majlis, Leftenan Kolonel (U) Abu Bakar bin Haji Metassim yang antaranya menyatakan bahawa penyertaan bagi pertandingan tersebut adalah sangat membanggakan.

Menurutnya, seramai 116 peserta mengikuti peringkat pemilihan awal pertandingan yang diadakan di semua surau ABDB dan hasil dari peringkat saringan, 27 peserta terdiri daripada 14 peserta dari Kategori 15 Tahun Ke Bawah dan 13 peserta daripada Kategori 10 Tahun Ke Bawah layak memasuki ke peringkat seterusnya.

Bagi memeriahkan majlis itu, hafalan Al-Qur'an disampaikan oleh penuntut Tahun 9 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITAQSSHB), Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini.

Doa selamat dibacakan oleh Pegawai Operasi

Agama ABDB, Leftenan Ariffin.

Pertandingan tersebut adalah sebagai salah satu acara keagamaan yang dirancang bagi memeriahkan lagi Sambutan Jubli Emas ABDB pada tahun ini dan diharapkan supaya warga ABDB terutama ibu bapa menggalakkan anak mereka menyertai pertandingan, di samping mengambil sukut baik dari pembacaan Al-Qur'an dan mengharapkan penjagaan, pemeliharaan serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir di majlis tersebut, Timbalan Pemerintah ABDB, pemerintah-pemerintah angkatan tentera, pengarah-pengarah tentera, pengetua ITAQSHB, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota ABDB, pegawai-pegawai, guru agama Kementerian Pertahanan dan ibu bapa serta penjaga peserta.

24 pelajar ISB lawat Pusat Ehsan

Brunei sertai Pertandingan Menghafal Al-Qur'an di Jakarta

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Jun. - Seramai sepuhul peserta negara ini berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyertai 'The Annual Prince Sultan bin Abdul Aziz Competition Of The Memorization Of The Holy Quran and The Sunnah' (Of The Prophet For South East Asian Countries) di Jakarta, Republik Indonesia.

Rombongan yang diketuai oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Kahar itu akan berada di republik tersebut selama tiga hari.

Sebanyak empat kategori akan dipertandingkan iaitu Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an, Kategori Menghafaz 20 Juz Al-Qur'an, Kategori Menghafaz 15 Juz Al-Qur'an dan Kategori

gori Menghafaz 10 Juz Al-Qur'an.

Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an akan disertai oleh Awangku Khairul Ikhwan bin Pengiran Alit dan Awang Muhammad Abu Hurairah bin Ariffin, sementara Awang Muhammad Asyraf bin Awang Haji Ali menyertai Kategori Menghafaz 20 Juz Al-Qur'an, manakala Awang Muhammad Najib bin Haji Ali Akbar dan Awang Muhammad Syazwi bin Murni menyertai Kategori 15 Juz Al-Qur'an.

Sementara itu Kategori Menghafaz 10 Juz Al-Qur'an akan disertai oleh Awang Mohammad Musa bin Haji Ibrahim dan Awang Muhammad Hilmi bin Latip.

Rombongan tersebut dijangka pulang ke tanah air pada 29 Jun 2011.

Sebanyak empat kategori akan dipertandingkan iaitu Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an, Kategori Menghafaz 20 Juz Al-Qur'an, Kategori Menghafaz 15 Juz Al-Qur'an dan Kategori

Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam ditubuhkan pada 4 Oktober 2000 sebagai organisasi amal bertujuan memberikan pendidikan berkualiti, latihan, penjagaan dan pemulihian kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas di Pusat Ehsan selain dapat beramah mesra bersama pelajar-pelajar berkeperluan khas di pusat berkenaan.



PELAJAR-PELAJAR berkeperluan khas Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam mengikuti aktiviti sempena lawatan pelajar-pelajar dari Sekolah Antarabangsa Brunei ke pusat berkenaan. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Para graduan disarankan mengisi kaji selidik menangani isu-isu pekerjaan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN,

Jumaat, 24 Jun. - Para graduan lepasan universiti dari dalam dan luar negara terutamanya graduan tahun 2006-2010 disarankan menyisi kaji selidik yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian Strategik dan Polisi (CSPS) berkaitan dengan isu-isu pekerjaan graduan-graduan Brunei.

Kaji selidik ini telah pun bermula sejak minggu yang lalu dan akan diteruskan sehingga penghujung bulan Julai 2011 depan. Sementara itu, Dato Paduka Dr. Haji Ismail dalam temu bual bersama wakil PELITA BRUNEI menyatakan kaji selidik adalah sesuatu yang difikirkan mustahak dan penting untuk dibuat kajian memandangkan kepada graduan-graduan dari universiti yang semakin meningkat.

Dato Paduka menambah, negara mahu mencapai satu keduadian *full employment* iaitu sesiapa saja untuk mendapat pekerjaan.

Perkara tersebut disarankan semasa Sidang Media bagi mengumumkan kaji selidik di kalangan graduan negara ini bertempat di Bilik Mesyuarat Sukma Indera CSPS, Jalan Pasar Baru, Gadong.

Menyampaikan penerangan mengenai kaji selidik tersebut dari pihak CSPS Pengurus CSPS, Dato Paduka Awang Haji Murni bin Haji Mohamed; Pengarah Eksekutifnya, Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman serta Penyelidik Kanan di CSPS, Dr. Diana Cheong.

Setakat ini, belum ada kajian dilakukan bagi mengetahui angka sebenar graduan-graduan yang belum mempunyai pekerjaan dan yang sudah bekerja, justeru kaji selidik yang dijalankan itu nanti merupakan kaji selidik kebangsaan yang pertama ke arah mengetahui isu-isu ini.

Menurut pihak CSPS, kajian yang diterima dari para graduan nanti akan disimpan secara sulit dan persendirian (*private and confidential*).

Antara lain, kaji selidik tersebut tidak hanya melihat kepada isu-isu pekerjaan di kalangan graduan di negara ini, malah terdapat juga bahagian dalam soalan kaji



SUASANA Sidang Media bagi mengumumkan kaji selidik di kalangan graduan negara ini di Bilik Mesyuarat Sukma Indera CSPS, Jalan Pasar Baru, Gadong.

- Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman.

Ralat

MERUJUK PELITA BRUNEI edisi Isnin, 27 Jun 2011. Tajuk berita 'Sekolah St. Margaret juara Pertandingan Bahas Bahasa Inggeris' di muka 6 para 9 hendaklah dibaca 'Majlis diserikan dengan persembahan Choral Reading oleh Kumpulan Choral Speaker's dari Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong.' - Penyunting.

Pemilik tanah tamat tempoh 50 tahun Kampung Lambak rayu 'DIPERMUDAHKAN BAYARAN PREMIUM'



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah rakyat dan penduduk Kampung Lambak.

Oleh :

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Foto : Haji Mohammad Yusof Mohd. Yassin, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

PENDUDUK Kampung Lambak, Berakas menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengunjungi rumah kediaman Ketua Kampung Lambak 'B', Mejar (B) Awang Haji Mohammad Jair bin Haji Wahab selepas menyempurnakan pengurniaan geran-geran tanah di bawah Skim Penggeraman Tanah Lesen Tumpang Sementara.

Kampung Lambak 'B' di bawah Mukim Berakas 'A' terletak kira-kira sebelas kilo-

meter dari Pusat Bandar Seri Begawan dengan keramaian penduduk sebanyak 3,963 orang.

Beberapa orang penduduk kampung ketika ditemui menyatakan rasa kesyukuran yang tidak terhingga berpeluang menatap wajah pemimpin yang dikasihi dan *mesra rakyat*.

Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Ahmad bin Hussain ketika ditemui berharap, dengan keberangkatan baginda ianya akan menjadi sumber inspirasi ikatan raja dengan rakyat.

Dalam berkesempatan ini juga wakil PELITA BRUNEI berpeluang menemu beberapa penduduk kampung berkenaan dengan menyatakan isu berbangkit mengenai tanah lease 50 tahun agar bayaran premium bagi pemilik-pemilik persendirian yang mendirikan rumah persendirian dipohonkan dikecualikan atau dipermudahkan daripada pembayaran premium setelah tamat genap tempoh berkanaan.

Awang Haji Domeng bin Haji Abdul Wahab, Pesara Guru dan Awang Azmi bin Haji Aman, merayu agar bayaran premium ini akan dipermudahkan terutama bagi warga emas kerana tempoh tanah berkenaan ada yang sudah mansuh dan hampir tempoh mansuh.

"Mudah-mudahanlah dengan keberangkatan baginda, isu ini akan diperkenankan."

Kedudukan pemilik tanah tamat tempoh 50 tahun ini pernah dihadapkan untuk dipermudahkan setelah tamat genap tempoh tersebut adalah masih dalam perhatian Kementerian Pembangunan.

Beberapa orang memberi respons mengenai perkara ini sudah dihadapkan kepada

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, agar ianya diluluskan kerana selama ini pemilik-pemilik berkenaan membelanjakan kos yang tinggi dari segi harga tanah, meratakan tanah sehingga kepada pembinaan.

"Jika kita bandingkan penerima-penerima rancangan skim tanah kurnia dan rancangan perumahan lebih beruntung mereka dikurangi rumah melalui borang permohonan sedangkan kita membelanjakan dengan kos yang tinggi dengan pelbagai syarat dari membeli sebidang tanah bermula dengan meratakan tanah, tukar syarat sehingga pembinaan hanya untuk tempat tinggal sahaja, bayangkanlah," keluh seorang penduduk.

"Inilah perkara yang ditunggu-tunggu selama ini setelah beberapa kali dihadapkan,



AHLI Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Ahmad bin Hussain.

mudah-mudahan dapat diluluskan," ujar beberapa pemilik tanah berkenaan yang ditemui.

Isu kedudukan tanah-tanah lease supaya premium yang dikenakan untuk menyambung dan membaharu tanah-tanah lease ini akan dapat dipermudahkan, pernah ditimbalkannya selama tiga tahun berturut-turut sebelum ini di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) tetapi masih belum ada ketetapan yang membanggakan mengenai dengan bayaran dan kedudukannya.

Walau bagaimanapun Kementerian Pembangunan akan mempertimbangkan dan mengkaji semula dasar pembayaran premium tersebut seperti jawapan yang diberikan dalam usul yang dibentangkan dalam MMN pada bulan April 2011.



AWANG Azmi bin Haji Aman.



AWANG Haji Domeng bin Haji Abdul Wahab, Pesara Guru.



73 orang penerima dianugerahkan geran LTS

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar, Ak. Jefferi Pg. Durahman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Syuaib Haji Sulaiman
Foto : Haji Mohammad Yusof Mohd. Yassin, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

Dari muka 1

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah berama-rama dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Dalam sembah alu-aluananya, Pegawai DBM, antara lain menyembahkan bawaan penganggeran geran-geran tanah di bawah Skim Penggerenan Tanah LTS itu mencerminkan sikap kehiripatan, pemeluihan serta rasa kasih sayang baginda kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Kemudian baginda dijunjung menyentuh pengurniaan kepada seramai

73 penerima geran-geran tanah di bawah Skim Penggerenan Tanah LTS bagi DBM. Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Skim Penggerenan Tapak Rumah di atas tanah LTS bertujuan untuk mengurangkan beban kerajaan dalam penyediaan perumahan tempat tinggal bagi rakyat dan penduduk seperti perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) dan Rancangan Perumahan Negara (RPN).

Pemberian hak milik tanah bergeran melalui Skim Penggerenan Tanah LTS akan dapat memberi jaminan kepada para pemilik untuk memiliki tanah secara bergeran dan meneruskan penghidupan mereka dan keluarga dengan lebih selesa.

Walau bagaimanapun, pengeluaran geran-geran tanah (hak milik berdaftar) kepada warga Negara Brunei Darussalam khususnya bagi LTS hendaklah terlebih dahulu men-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama suami Dayang Haja Che Yam binti Che Ibrahim ketika mengunjungi perusahaan Industri Kotej Produk Batik (kanan).



Berangkat melawat beberapa buah agensi kerajaan

BERAKAS, Isnin, 27 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke beberapa buah agensi kerajaan sejurus selepas menyempurnakan pengurniaan geran-geran tanah di bawah Skim Penggerenan Tanah Lesen Tumpang Semerata.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan berangkat ke bangunan Sekolah Menengah Lambak Kiri yang mula beroperasi pada 19 Mac 2009.

Pada masa ini Sekolah Menengah Lambak Kiri mempunyai 1,193 pelajar dengan 108 tenaga pelajar yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, iaitu 42 buah bilik darjah, sepuluh buah makmal sains, tiga buah makmal komputer, studio lukisan, surau, kantin, dewan serba guna serta gelanggang bagi aktiviti sukan.

Semasa lawatan tersebut, baginda juga berkenan menyaksikan pameran yang bersangkutan-paut dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di jabatan tersebut.

Jabatan Bandaran, Kampung



KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah para pelajar dan tenaga pengajar serta menyaksikan persembahan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti kokurikulum ketika berangkat ke bangunan Sekolah Menengah Lambak Kiri (kiri dan kanan).



BAGINDA berkenan menandatangani kain batik sebagai tanda kenangan ketika berangkat ke Industri Kotej Produk Batik milik Dayang Haja Che Yam.

Belimbong Subok mempunyai seramai 654 kakitangan yang memberikan perkhidmatan menyelaras semua kerja-kerja pemeliharaan kawasan di bawah Kawalan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan seperti pemotongan rumput, pembersihan bandar dan jalan-jalan serta pembersihan longkang-longkang yang dibina oleh kerajaan.

Baginda juga turut menyaksikan demonstrasi ringkas cara-cara membuat batik dan seterusnya berkenan bergambar ramai bersama ahli keluarga Dayang Haja Che Yam.

Dalam lawatan tersebut, baginda berkesempatan menyaksikan pelbagai kraf tangan dan juga hasil ciptaan kain-kain batik pelbagai motif dan reka bentuk.

Baginda juga turut menyaksikan demonstrasi ringkas cara-cara membuat batik dan seterusnya berkenan bergambar ramai bersama ahli keluarga Dayang Haja Che Yam.



BAGINDA berkenan beramah mesra bersama kakitangan Jabatan Bandaran Belimbong, Subok (kanan).



BAGINDA berkenan bergambar ramai bersama Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mutalip bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof dan Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Mohd. Halid bin Haji Mustafa serta pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Darat ketika berangkat melawat ke Kompleks Ujian dan Latihan Memandu, Jabatan Pengangkutan Darat, Sungai Akar (atas), manakala gambar kiri, baginda ketika meneliti naskhah buku yang ada di kompleks berkenaan.



**IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A)
DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT)
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM.**

TARIKH IKLAN: 30 JUN 2011. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 13 JULAI 2011. BILANGAN IKLAN: 26/06/11 (SPA/BMI)

PERATURAN 7(a)

Syarat-Syarat Am:

- a) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- d) Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

1. JURUKAMERA ENG KANAN
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990-\$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Photography / Cinematography / Film and Tv Production / Communication Media / Media Studies / Computer Studies / Information Technology (IT) atau bidang bersesuaian.

ATAU

1. b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Jurukamera ENG / Penyunting ENG / Perakam Suara ENG dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

1. c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
3. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian Microsoft Office adalah kelebihan.

2. PENERBIT
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990-\$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Penyiaran Komunikasi Massa / Multimedia / Ehwal Semasa / Seni Kreatif / Public Affairs / Pengajian Brunei / Kewartawanan atau bidang bersesuaian.

ATAU

1. b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penerbit Tingkat II / Penolong Penerbit dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

1. c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun.

SYARAT-SYARAT LAIN:

1. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
2. Mempunyai minat dan pengetahuan dalam hal ehwal awam dan semasa.
3. Berkebolehan menulis skrip televisyen / radio.
4. Memahami ciri-ciri adat istiadat dan protokol Negara Brunei Darussalam.
5. Mempunyai daya usaha dan kreativiti tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar.
6. Mempunyai kreativiti yang tinggi ke arah menghasilkan penerbitan yang berkualiti.
7. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian Microsoft Office.

8. Berkebolehan dalam penyuntingan menggunakan *Sound Forge* dan *RCS*.
9. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan kreatif dalam mengolah penerbitan.
10. Boleh menjadi pembimbing atau *mentor* kepada Pegawai / Kakitangan bawahan.
11. Berkebolehan bekerja dalam satu pasukan sebagai pemimpin petugas dalam kumpulan penerbitan.
12. Berkebolehan dalam membuat keputusan secara bijaksana dalam situasi yang memerlukan penerbit bertindak serta-merta dalam proses penerbitan rancangan.
2. Mempunyai pengetahuan dan kebolehan menggunakan komputer adalah kelebihan.

3. PENERBIT TINGKAT I
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990-\$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Penyiaran Komunikasi Massa / Ehwal Semasa / Multimedia / Seni Kreatif / Public Affairs / Pengajian Brunei / Kewartawanan atau bidang bersesuaian.

ATAU

1. b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penerbit Tingkat II / Penolong Penerbit dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

1. c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun.

SYARAT-SYARAT LAIN:

1. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
2. Mempunyai minat dan pengetahuan dalam hal ehwal awam dan semasa.
3. Berkebolehan menulis skrip televisyen / radio.
4. Memahami ciri-ciri adat istiadat dan protokol Negara Brunei Darussalam.
5. Mempunyai daya usaha dan kreativiti tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar.
6. Mempunyai kreativiti yang tinggi ke arah menghasilkan penerbitan yang berkualiti.
7. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
8. Berkebolehan dalam penyuntingan menggunakan *Sound Forge* dan *RCS*.
9. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan kreatif dalam mengolah penerbitan.
10. Boleh menjadi pembimbing atau *mentor* kepada Pegawai / Kakitangan bawahan.
11. Berkebolehan bekerja dalam satu pasukan sebagai pemimpin petugas dalam kumpulan penerbitan.
12. Berkebolehan dalam membuat keputusan secara bijaksana dalam situasi yang memerlukan penerbit bertindak serta-merta dalam proses penerbitan rancangan.

4. PEMBANTU TAKLIMAT KANAN
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
C.2 EB.3 (\$1,450-\$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

1. b) Sedang berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Pembantu Taklimat dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

1. c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 4 tahun.
2. Mempunyai kebolehan berhubung secara lisan dan bertulis berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan Perkhidmatan Maklumat Kaji Terbang dan juga Lalulintas Udara.

5. PERAKAM SUARA ENG
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.2-3 EB.4 (\$1,450-\$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang *Cinematography* / Media Komunikasi / Kejuruteraan Elektronik / *Computer Studies* / *Media Studies* / *Information Technology (IT)* atau bidang bersesuaian.

ATAU

1. b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Perakam Suara Eng / Penolong Penyunting Eng / Penolong Jurukamera Eng dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

1. c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 4 tahun.

2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

6. PENGUASA POS
JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
C.2-3 EB.4 (\$1,450-\$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Pentadbiran / Pengurusan atau bidang bersesuaian.

ATAU

1. b) Sedang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Pos sebagai Penolong Penguasa Pos dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

1. c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian yang mempunyai bidang tugas pengurusan bahagian atau penyeliaan kakitangan dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

7. PENOLONG OPERESN
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.1-2 EB.3 (\$1,280-\$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN=7

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

1. b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Operesen Rendah dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

1. c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun.
2. Boleh membuat kerja dengan cekap dan betul serta berkemampuan mengetahui tentang asas-asas dalam bidang kemahiran masing-masing adalah kelebihan.

Ke muka 15

Sambungan dari muka 14

8. MEKANIK KANAN SUKATAN DAN TIMBANGAN
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI
C1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Mekanik atau bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

b) Sedang berkhidmat di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sebagai Mekanik Sukatan dan Timbangan atau Pemeriksa Sukatan dan Timbangan dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun.

3. Yuran tawaran (Tender fee) dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan wang tidak dikembalikan. Pembayaran yuran tawaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari **jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi di Bahagian Kewangan, Tingkat II, Ibu Pejabat Polis Gadong**.
4. Penender-penender yang menyertai tawaran ini hendaklah mempunyai Sijil Perniagaan yang masih sah laku dan hendaklah disertakan bersama tawaran.

JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI

Keterangan Projek :
TERMS CONTRACT FOR
RUBBISH COLLECTION IN
KUALA BELAIT MUNICIPAL
AREA FOR THREE (3) YEARS

(DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam)

Bilangan Tawaran :
BBS/1/TCRCKBMA/2011-2014

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa, 28 Jun 2011**.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa dialamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat dipara satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Borang dan Dokumen Tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari:

Bahagian Perkhidmatan
dan Pemeliharaan
Aras 2, Bangunan Jabatan Bandaran,
Kuala Belait dan Seria
Jalan McKerron Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran Dokumen adalah dikehendaki sebanyak **BND50 (Lima Puluh Ringgit)**

Brunei sahaja) dan tidak akan dikembalikan bagi tiap-tiap tawaran dan hendaklah dijelaskan di **Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jalan McKerron Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam** semasa waktu bekerja seperti berikut;

Pada : hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 12.15 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang, hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi dan tutup pada hari Jumaat, hari Ahad dan Hari-hari kelepasan.

6. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap **Pemborong** dikehendaki menghadapkan **Sijil Pendaftaran** yang menunjukkan bahawa Pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah diantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.
DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam Kelas II dan III, dalam Kategori 4c dan 4d dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.
Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada **27 Jun 2011 (Isnin)**, **Tarikh tutup : 28 Jun 2011 (Selasa)** dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Bangunan Kementerian Hal
Ehwal Dalam Negeri
Tingkat 1, Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan BS8610
Negara Brunei Darussalam.

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
BILANGAN TAWARAN :
JPE/LTK/BP/033/2011
TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF SERVO VALVE FOR LUMUT POWER STATION
TARIKH TUTUP : 5 JULAI 2011,
(hari Selasa, jam 2.00 petang).
YURAN TAWARAN :
B\$10.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
TEMPAT TUTUP :
'TENDER BOX'

LEMBAGA TAWARAN KECIL
BAHAGIAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI, TINGKAT 5, BLOK UNIT PETROLEUM, BANGUNAN BAHIRAH, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAYAKAN : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi Kategori P01 atau P05 dalam Kelas II ke atas.

BILANGAN TAWARAN :
JPE/LTK/BP/037/2011
TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF CHARGE AIR RADIATOR CORES FOR BELINGUS POWER STATION, TEMBURONG
TARIKH TUTUP : 5 JULAI 2011,
(hari Selasa, jam 2.00 petang).
YURAN TAWARAN :
B\$30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
TEMPAT TUTUP :
'TENDER BOX'

LEMBAGA TAWARAN KECIL
BAHAGIAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI, TINGKAT 5, BLOK UNIT PETROLEUM, BANGUNAN BAHIRAH, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAYAKAN : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi Kategori P01 atau P05 dalam kelas II ke atas.

BILANGAN TAWARAN :
JPE/LTK/BP/039/2011
TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF LUBE OIL RADIATOR CORES FOR BELINGUS POWER STATION, TEMBURONG
TARIKH TUTUP : 5 JULAI 2011,
(hari Selasa, jam 2.00 petang).
YURAN TAWARAN :
B\$50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
TEMPAT TUTUP :
'TENDER BOX'

LEMBAGA TAWARAN KECIL
BAHAGIAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI, TINGKAT 5, BLOK UNIT PETROLEUM, BANGUNAN BAHIRAH, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAYAKAN : Pembekal yang berdaftar

dengan Kementerian Pembangunan bagi kategori P01 atau P05 dalam kelas II ke atas.

BILANGAN TAWARAN :
JPE/LTK/BP/040/2011
TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF AMARIL-LOPARALLEL SHAFT GEAR DRIVE
TARIKH TUTUP : 5 JULAI 2011,
(hari Selasa, jam 2.00 petang).
YURAN TAWARAN :
B\$10.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
TEMPAT TUTUP :
'TENDER BOX'

LEMBAGA TAWARAN KECIL
BAHAGIAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI, TINGKAT 5, BLOK UNIT PETROLEUM, BANGUNAN BAHIRAH, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAYAKAN : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi kategori P01 atau P05 dalam Kelas II ke atas.

BILANGAN TAWARAN :
JPE/LTK/PDP/041/2011
TAJUK TAWARAN :
PEMASANGAN BEKALAN TENAGA API ELEKTRIK KE KAWASAN KOLAM TERNAKAN UDANG GALAH KAMPUNG SELANGAN DAERAH TEMBURONG
BILANGAN TAWARAN :
JPE/LTK/PDP/042/2011
TAJUK TAWARAN :
PEMASANGAN DAN PEMBEKALAN TENAGA API ELEKTRIK BAGI FLAT-FLAT PERUMAHAN KERAJAAN DAERAH TEMBURONG
TARIKH TUTUP : 5 Julai 2011,
(hari Selasa, jam 2.00 petang).
YURAN TAWARAN :
B\$50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
TEMPAT TUTUP :
'TENDER BOX'

LEMBAGA TAWARAN KECIL
BAHAGIAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI, TINGKAT 5, BLOK UNIT PETROLEUM, BANGUNAN BAHIRAH, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAYAKAN PEMBORONG : Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas III ke atas dalam Kategori E02 atau E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam Kategori Kerja E02 atau E03.

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari kaunter Unit Pendaftaran, Tingkat 1, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian : Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari kaunter Unit Pendaftaran, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk **MENGUBAHSUAI DAN MENJALANKAN SEBUAH KAFE ATAU RESTORAN BERTARAF ANTARABANGSA DI DEWAN PERSINGGAHAN, KAWASAN SATELIT, TINGKAT 1, KOMPLEKS TERMINAL PENUMPANG DT-L1 (11), LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI.**
2. Tawaran hendaklah dihantar ke Peti Tawaran terletak di **Tingkat 4, Kementerian Perhubungan** di dalam sampul surat yang tertutup yang ditulis dengan tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat :

TO RENOVATE AND OPERATE A CAFE OR RESTAURANT WITH INTERNATIONAL STANDARDS, AT TRANSIT HALL, SATELLITE AREA, LEVEL 1 PASSENGER TERMINAL BUILDING, DT-L1 (11) BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

Bilangan Tawaran :
JPA/MKG. 2011/T-3
Tarikh Tutup : 12 Julai 2011 (2.00 petang)
Kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Bangunan Kementerian Perhubungan Jalan Menteri Besar BB3510 Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran hendaklah dihantar bersama-sama dengan surat pengakuan yang menyatakan bahawa peserta berkenaan telah membaca dan memahami segala syarat-syarat dan peraturan (Terms and Conditions) yang tercatat pada Schedule B dari dokumen tawaran.
4. Tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 12 Julai 2011**. Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapat

dari Bahagian Kewangan Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, semasa hari-hari bekerja (**Isnin hingga Khamis dan Sabtu**) dengan bayaran sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)**.

6. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pemasaran, Jabatan Penerbangan Awam Negara Brunei Darussalam.
Telefon : 2330142
sambung 1006 atau 1009
Faks : 2331772 / 2331706
7. Penender hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan berserta dengan salinan Kad Pengenalan atau Pasport Pemilik.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam **tidak semestinya** menerima tawaran-tawaran yang tinggi atau lain-lain tawaran. Pengalaman, imej, reputasi serta mutu perkhidmatan syarikat adalah juga menjadi keutamaan dalam penilaian tawaran.
9. Setiap penender hendaklah menyatakan jumlah pelaburan yang akan dibuat bagi

kerja-kerja internal decorations kepada tapak berkenaan.

10. Penender adalah dikehendaki menghadapkan perspective drawing (3D computer printed) bagi kedai yang dimaksudkan termasuk **floor plan** dengan imej yang bertaraf antarabangsa.
11. Kadar sewa terendah yang dikenakan adalah **BND1,700.00** dan bayaran elektrik sejumlah **BND500.00** (tetap).
12. Tempoh kontrak adalah tiga (3) tahun.
13. Waktu beroperasi **7.30 pagi hingga penerbangan terakhir (bertolak)**.
14. Penender yang berjaya hendaklah mengenakan pakaian seragam bekerja yang bersesuaian dengan imej syarikat dan imej lapangan terbang antarabangsa.
15. Mana-mana syarikat atau perniagaan yang sedang beroperasi di dalam **Dewan Persinggahan, Kawasan Satelit, Tingkat 1 Kompleks Terminal Penumpang, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei** adalah TIDAK dibenarkan untuk ikut serta di dalam tawaran ini.
16. Makanan dan minuman yang akan dijual di premis mestilah halal.


JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
BILANGAN TAWARAN :
JKP/Sh/2011-2012/10

Tajuk Tawaran : TO RENT AND OPERATE BUSINESS OUTLET SOUVENIR AND BEVERAGES KIOSK AT KAMPUNG AIR AND CULTURAL AND TOURISM GALLERY, BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen Tawaran : \$ 10.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran : Khamis, 14 Julai 2011, jam 2.00 petang.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam pembekal dan pembuatan kraf tangan dalam dan luar negeri, di samping penyediaan minuman dan makanan ringan. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Kemajuan Pelancongan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

Dan masukkan ke dalam Peti Tawaran yang

terletak di **Tingkat dua, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Ba Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam** tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam setiap tawaran tersebut.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari **Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 2, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam**.
3. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibuat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan,

Tingkat 2, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada waktu-waktu seperti berikut :

ISNIN - KHAMIS
8.30 pagi hingga 11.00 pagi, 2.00 petang hingga 3.00 petang

SABTU
8.30 pagi hingga 10.00 pagi.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran asal yang tidak disediakan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Wakil Cawangan 'C' juarai Musabaqah Tilawah Al-Qur'an PDB

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Jun. - Sarjan 1756 Haji Ghani bin Safar muncul juara Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Antara Cawangan Polis Pasukan Polis Diraja Brunei.

Juara Kategori Lelaki yang mewakili Cawangan 'C' telah memperdengarkan bacaannya dari Surah Al Anam bermula ayat 51 hingga 57. Tempat kedua dimenangi oleh APO 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar diikuti oleh C/Inps. Haji Adanan bin Haji Jumat di tempat ketiga.

Sementara juara Kategori Wanita disandang oleh WPC 5621 Siti Aini

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

binti Ali Rahman yang telah mempersempit bacaan Surah Al Maa-idah daripada ayat 51 hingga 57 diikuti oleh WPC 4775 Nurhassidah binti Abd. Wahab di tempat kedua dan tempat ketiga pula dimenangi oleh APO Staf Sarjan 6763 Hajah Armah binti Ampuan Haji Metahir.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Polis di Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini ialah Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan

Pehin Orang Kaya Pendekar Alam Dato Paduka Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

akan memberi kemanfaatan bagi kesejahteraan umat manusia.

Terdahulu, Pengurus Badan Ugama Islam PDB 2011, Senior/Supt Haji Wahid bin Haji Yahya dalam ucapan alu-aluannya menyentuh mengenai kepentingan menuntut ilmu yang turut digariskan dalam Al-Qur'an kerana dengan ilmu katanya martabat manusia akan meningkat dan mereka yang berilmu akan mempunyai nilai hidup yang jelas dan arah tuju yang nyata, di samping

Ilmu yang terkandung di dalam Al-Qur'an tambahnya adalah mencukupi dalam segala aspek kehidupan kerana umat-umat yang terdahulu katanya telah menjadikan masjid-masjid sebagai pusat pembelajaran Al-Qur'an bagi menimba ilmu dan menjadikan sebagai satu yang formal.

Johan pertandingan akan mewakili Pasukan Polis Diraja Brunei ke Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendekar Alam Dato Paduka Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu menyampaikan hadiah kepada juara Kategori Wanita disandang oleh WPC 5621 Siti Aini binti Ali Rahman.

Empat siswa UNISSA serta program keusahawanan sosial di Indonesia

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Jun. - Seramai empat mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyertai 'The 3rd DREaM International Summer Program' bermula 26 Jun hingga 6 Julai 2011.

Program ini merupakan kegiatan tahunan yang dikendalikan oleh Pejabat Perhubungan Antarabangsa, Universitas Gajah Mada (UGM), Yogyakarta, Republik Indonesia dengan kerjasama dan sumbangan dari sukarelawan mahasiswa UGM.

Ia memberi tumpuan kepada keusahawanan sosial (*social entrepreneurship*) yang menjadi tema program tersebut pada tahun ini.

Melalui program



SISWA dan siswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama dua pemerhati yang menyertai The 3rd DREaM International Summer Program di Indonesia. - Foto : UNISSA.

DREAM 2011, para mahasiswa dari UNISSA akan didekah dengan beberapa aktiviti seperti khidmat masyarakat, penempatan bekerja di dalam bidang semi-profesional dan bengkel-bengkel yang berkaitan

dengan khidmat masyarakat dan keusahawanan sosial.

Mahasiswa UNISSA juga akan dapat menimba pengalaman melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan menimba ilmu keusahawanan sosial.

Menyertai rombongan sebagai pemerhati ialah Penyelaras Latihan Industri, Dayang Salwani binti Sabtu dan Penolong Pendaftar UNISSA, Dayang Nurathirah Salihah binti Haji Mohd. Salleh.

Sembahyang tiang agama

MAKNA atau pengertian sembahyang yang daripada segi loghat atau bahasa ialah doa, sedangkan pada istilah syarak ialah menghadapkan jiwa raga kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana takwa kepada-Nya serta mengagungkan kebesaran-Nya dengan khusuk dan ikhlas dalam bentuk perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam mengikut syarat-syarat dan rukun-rukun yang ditetapkan.

Sembahyang atau solat dalam Islam merupakan tiang atau tonggak agama yang mana amal-amal atau ibadat yang lain tidak dapat tegak kecualiah dengannya. Sembahyang telah diwajibkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Thaha ayat 14 bermaksud :

"Dirikanlah sembahyang itu untuk mengingat Aku."

Bagi umat yang sentiasa mengingati Allah dengan cara sembahyang, maka dengan sendirinya terhindarlah dia dari segala sifat kekejaman dan kejahatan dirinya sebab sembahyang itu mencegah atau menghalang manusia daripada melakukan pekerjaan

yang keji.

Di antara hikmah-hikmah sembahyang itu adalah seperti berikut :

1. Menjadikan hati tenang, sabar dan tabah dalam menghadapi sesuatu masalah. Tidak mengalami kegelisahan dan ketakutan.

2. Memberikan ketetapan hati bahwa manusia itu tidak berputus asa atas rahmat Allah.

3. Menjauahkan seseorang dari sifat haloba, kikir, bakhil, sifat riyak, angkuh dan sompong apabila sembahyangnya itu benar-benar telah dapat mencegah dari berbuat keji dan mungkar. Dengan demikian dia telah termasuk penilaian Allah sebagai orang mukmin dan tergolong orang yang soleh.

4. Menjadi perantaraan antara hamba dengan Allah. Mendirikan sembahyang bererti mendekatkan diri dengan Allah. Tidak mendirikan sembahyang bererti menjauhkan diri dari Allah.

5. Hidup bahagia di dunia dan di akhirat serta dimasukkan ke dalam Syurga Firdaus. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Mu'minun ayat 9-11 mafhumnya :

"Dan orang-orang yang memelihara sembahyangnya, mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi - (yakni) yang akan mewarisi Syurga Firdaus, mereka kekal di dalamnya."

6. Tanpa disedari perbuatan sembahyang itu telah melakukan senaman dan olahraga yang teratur lagi tertib.

7. Membentuk manusia berakhhlak dan bermoral dan memelihara martabat hidupnya.

8. Dan membentuk jiwa jadi berani dan jujur serta bertanggungjawab terhadap manusia dan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebab itulah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menegaskan bahawa sembahyang itu tiang agama sebagaimana

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

کلolan قوسة دعوه اسلاميه

sabdaya bermaksud :

"Sembahyang itu ialah tiang agama, barang siapa yang mendirikannya, sesungguhnya ia telah mendirikan agama dan barang siapa yang meninggalkannya, sesungguhnya dia telah meruntuhkan agama."

(Riwayat Baihaqi).

Sembahyang yang dapat mencegah seseorang Muslim dari berbuat keji dan mungkar itu ialah jika dia mendirikan sembahyang dengan memelihara segala syarat, rukun serta tertibnya, bersuci hingga khusuknya. Dia mengetahui sembahyang dan bukan hanya sekadar berdiri, rukuk, iktidal dan sujud sahaja tetapi hendaklah betul-betul mengingat dan menyembah Allah.

Oleh itu, kita patut menyadari bahawa melakukan sembahyang itu biarlah kita tahu segala syarat, rukun, cara, bacaan, perbuatan dan khusuknya agar sembahyang kita lebih sempurna lagi dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Andrew Midenhall juara lelaki junior veteran Cabaran Lumba Basikal LOF Bakery



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar mengalungkan pingat kepada para pemenang. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Sukan Ria Antara Syarikat tingkatkan semangat setia kawan

Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Jun. - Sukan Ria Antara Syarikat-Syarikat yang bermula sejak penghujung bulan Mei lalu berakhir petang tadi dengan Majlis Penutup.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis yang berlangsung di Dewan Darussalam, Sekolah Menengah Chung Hwa di sini ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Pengarah Urusan Sunlit Advertising, Jackson Ting semasa berucap menyatakan sukan seumpama ini memberikan peluang kepada pekerja syarikat untuk menghilangkan tekanan serta bersukan bersama rakan-rakan sekerja dan majikan di antara warga syarikat di negara ini dalam aktiviti ria di samping membantu meningkatkan semangat setia kawan.

Menurutnya Sukan Ria ini berjaya mencapai objektifnya dalam mananamkan ciri-ciri yang positif dalam sukan termasuk nilai-nilai sosial dan pendidikan pada tahap individu, syarikat dan industri.

Sebanyak empat acara sukan dipertandingkan sepanjang Sukan Ria ini iaitu acara mendaki, pertandingan bola keranjang, futsal dan bola jaring.

Sukan tersebut dianjurkan oleh Jabatan Buruh, Ke-

menterian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Sunlit Advertising sebagai pengurus acara dan akan diadakan setiap tahun sebagai wadah untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat di negara ini.

Adalah diharapkan melalui sukan ini akan lebih mengeratkan hubungan dan meningkatkan persefahaman, keharmonian serta kesejahteraan di kalangan majikan dan pekerja, menjaga kesihatan, menanamkan semangat dan persaingan yang sihat serta meluaskan rangkaian kerja ke arah produktiviti tinggi di sektor swasta.

Sementara itu, Jabatan Buruh, KHEDN berharap lebih banyak syarikat dan majikan di sektor swasta tampil menyertai acara ini di masa-masa akan datang ke arah menonjolkan visibiliti sosial terhadap peranan dinamik yang dimainkan oleh sektor swasta sebagai jentera pembangunan negara yang penting.

Melalui sukan tersebut juga diharapkan potensi dan peluang-peluang pelaburan dan perniagaan yang banyak terdapat di sektor swasta di negara ini dapat diterjemahkan menjadi penciptaan nilai tambah, perkerjaan dan perusahaan baru bagi menjana ekonomi negara yang seterusnya dapat mempromosikan kelebihan dan tarikan bekerja di sektor swasta.

Pada sukan ini Perlawa-



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyampaikan hadiah kepada pasukan QAF Brunei Sdn Bhd (Team 'A') yang menjuarai Inter-Company Futsal Competition di Sukan Ria Antara Syarikat.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan hadiah kepada B Mobile Communication Sdn Bhd yang telah menjuarai Inter-Company Netball Competition dalam Sukan Ria Antara Syarikat.

nan Bola Keranjang dime- nangi oleh pasukan daripada SKS Sdn Bhd satelah berjaya menewaskan kumpulan dari D'BEBES dengan jaringan 88 point dan 77 point.

Sementara Perlawanan Futsal dijuarai oleh kumpulan dari QAF Brunei Sdn

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGA- WAN, Ahad, 26 Jun. - Andrew Midenhall mun- cul juara bagi Kategori Lelaki Junior Veteran dalam Pertandingan Cabaran Lumba Basikal LOF Bakery yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Juara, Andrew Midenhall berjaya mencatat masa 2 jam 4 minit 58.173 saat diikuti naib juara, Teo Tan Sze yang mencatat masa 2 jam 5 minit 46.120 dan Chieng Chew Lee di tempat ketiga dengan catatan masa 2 jam 7 minit 14.544 saat.

Kategori Lelaki Senior Veteran pula dijuarai oleh Awang Zainal Arfan bin

Dato Haji Ahmad dengan catatan masa 2 jam 7 minit 25.726 diikuti naib juara, Awang Haji Osli bin Haji Md. Noor yang mencatat masa 2 jam 7 minit 26.467 saat, manakala Teo Kock Hwee di tempat ketiga dengan catatan masa 2 jam 7 minit 27.132 saat.

Sementara itu, dalam Kategori Lelaki 23 Tahun Kebawah dan Novis, juara Awang Azmi bin Abd. Hadizid mencatatkan masa 2 jam 5 minit 50.644 saat diikuti naib juara Awang Mohd. Aiman bin Abdullah Engkang dengan catatan masa 2 jam 5 minit 50.792 saat dan Awang Ahmad Nurhaziq bin Ajab di tempat ketiga dengan catatan masa 2 jam 5 minit

52.003 saat.

Johan bagi Kategori Lelaki Berkumpulan pula disandang oleh pasukan G530 'A' terdiri dari Teo Tan Sze, Awang Azmi dan Awang Mohd. Aiman, manakala Naib Johan disandang oleh Pasukan G530 'B' dan di tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan MWM Cycling Team.

Manakala bagi Kategori Wanita, juara disandang oleh Dayang Hazawannah Faizah binti Abdullah Simbilan yang berjaya mencatat masa 1 jam 30 minit 2.786 saat diikuti naib juara, Dayang Noorizah binti Haji Md. Kasim dengan catatan masa 1 jam 30 minit 7.444 saat dan Dayang Umang anak Guang di tempat ketiga dengan catatan masa 1 jam

30 minit 8.466 saat.

Pertandingan lumba basikal anjuran Persekutuan Basikal Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan disertai oleh 98 penggemar sukan lumba basikal.

Pelumba lelaki berbasikal sejauh 87 kilometer dan pelumba wanita sejauh 40 kilometer.

Antara yang menyertai pertandingan tersebut, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar yang juga hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

JKP juara Kejohanan Bola Jaring Kementerian Pembangunan

Oleh :
Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Jun. - Pasukan Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) meraih juara Kejohanan Bola Jaring Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Tahun 2011 selepas menundukkan pasukan Jabatan Ukur 1 di perlawanan akhir bertempat di Dewan Serbaguna, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Pada perlawanan penentuan itu, pasukan JKP berjaya menundukkan pasukan Jabatan Ukur 1 sekali gus menduduki naib juara dengan kedudukan 9-7.

Tempat ketiga pula diraih oleh pasukan Kementerian Pembangunan selepas menumpaskan pasukan Jabatan Tanah yang menduduki tempat keempat melalui jaringan 10-9.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan isteri, Datin Hajah Asmah binti Haji Abd. Rahman yang seterusnya menyampaikan hadiah serta cenderahati kepada para pemenang.

Sebanyak sebelas pasukan menyertai kejohanan anjuran Jabatan Tanah yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan 'A' terdiri daripada Jabatan Ukur 1, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, JKP, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan dan Jabatan Kemajuan dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Manakala Kumpulan 'B' terdiri daripada Kementerian Pembangunan, Jabatan Saliran dan Pembentangan, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Ukur 2, Jabatan Jalan Raya dan Jabatan Tanah.

Kejohanan bertujuan bagi mengembang dan meningkatkan taraf serta mutu permainan bola jaring bagi wanita di negara ini agar terus bergiat aktif dalam bidang sukan di samping bagi mengeratkan lagi silaturahim di antara kakitangan dan pegawai kementerian berkenaan.

Selapon T.K. Gym juara kategori 'A' tarik kalat tradisi

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyampaikan hadiah kepada wakil johan daripada pasukan Daerah Brunei dan Muara Kategori 'C'. - Foto : Dk. Nurhafiz Pg. Osman.

SRCH juarai Kejohanan Pingpong Sekolah-Sekolah Rendah Peringkat Negara

Oleh :
Abu Bakar
Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Jun. - Pasukan Sekolah Rendah Chung Hwa (SRCH) muncul juara Kejohanan Pingpong Sekolah-Sekolah Rendah Peringkat Negara acara Bergu Wanita selepas menumpaskan bergu Sekolah Saint Andrews dengan kiraan 3 - 1 di perlawanan akhir yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas di sini.

SRCH yang menganangkan Kiing Sii Shiing dan Lim Mei Lim menang dua set pertama dengan kiraan 11 - 9, 11 - 4 sebelum pasangan Lim Keh Vei Mandy dan Christine Wong Vun San memenangi set ketiga dengan kiraan 16 - 14.

Kiing Sii Shiing dan Lim Mei Lim mengesahkan kemenangan apabila set keempat menjadi milik mereka dengan kiraan 11 - 8.

Pasukan SRCH meng-



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim bergambar ramai bersama para pemenang dalam perlawanan bola pingpong. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

ulangi kejayaannya apabila menjuarai acara Bergu Lelaki selepas bergunanya Lim Chin Ann dan Harold Md. Yusof menumpaskan pasangan Md. Hafiz Rosli dan Md. Fa'dli Muslihan bin Muslin dari Sekolah Rendah Haji Tarif dengan kiraan 11 - 6, 11 - 7, 8 - 11 dan 12 - 0.

Manakala dalam acara

Perseorangan Lelaki, Md. Luqman Hii bin Abdullah Qayyum Hii dari Sekolah Saint Andrews muncul juara selepas menumpaskan Masror Fuad Haji Asmat dari Sekolah Rendah Mulaut dengan kiraan 7 - 11, 11 - 6, 11 - 1 dan 11 - 14.

Sementara Fiona Hii dari Sekolah Saint

Andrews menang dalam acara Perseorangan Wanita setelah menyingkirkan Hong Hui Qin dari SRCH dengan kiraan 11 - 13, 11 - 6, 11 - 2 dan 11 - 9.

Hadiyah kejohanan disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim.

Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof hadir selaku tetamu kehormat pada perlwanan tersebut.

Di majlis itu, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah perlwanan akhir tarik kalat tradisi peringkat kebangsaan bagi Kategori 'A' dan 'C'.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan di kejohanan ini iaitu Kategori 'A' - berat badan bagi setiap peserta tidak lebih 70 kilogram, sementara Kategori 'B' - berat badan terkumpul tidak lebih 1,100 kilogram bagi sepuluh orang dan Kategori 'C' - berat badan terkumpul tidak lebih 600 kilogram bagi 10 orang berumur 19 tahun ke bawah.

Sementara itu, perlwanan peringkat akhir bagi Kategori 'B', akan diadakan pada 19 Julai ini di Daerah Temburong.

Acara tahunan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-65 Tahun itu bertujuan menyemai kasih dan taat setia kepada raja dan

raja dan walilamri yang sangat dikasihi, di samping untuk sama-sama memeriahkan sambutan tersebut setiap tahun.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara mengadakan Kejohanan Tarik Kalat Tradisi ini sebagai produk sosial yang boleh memperkasa perpaduan masya-

rakat dan kesihatan awam melalui kegiatan sukan.

Sebagai produk sosial yang mempunyai nilai tradisi dan tersendiri, sukan tradisi ini telah bertapak secara turun temurun yang dikendalikan oleh Persatuan PATUH pada tahun 60-an dan sekarang dikenalpasti oleh Ahli Jawatan-

kuasa Perayaan sejak tahun 70-an sehingga sekarang.

Sukan Tarik Kalat Tradisi juga dapat mengumpulkan pelbagai masyarakat dan kaum di negara ini mana setiap kali pertandingan mampu menarik banyak penyertaan dari keempat-empat daerah di negara ini.

ACARA tahunan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-65 Tahun itu bertujuan menyemai kasih dan taat setia kepada raja dan walilamri yang sangat dikasihi, di samping untuk sama-sama memeriahkan sambutan tersebut setiap tahun.

Semaun Veteran - Muara Vella FC bersaing dalam Kumpulan 'B'

Oleh : Abdullah Asgar

MUARA, Ahad, 26 Jun. - Persaingan mengisi tangga teratas Kumpulan 'B' di Kejohanan Bola Sepak Veteran Kebangsaan Piala Presiden 2011 DST Group masih menjadi caturan antara Semaun Veteran dan Muara Vella FC.

Ini disebabkan Semaun Veteran masih berbaki satu perlwanan menentang Perkasa FC Jumaat depan di padang Sekolah Menengah Awang Semaun, jika mereka menang, takhta Kumpulan 'B' pasti milik Semaun Veteran dan jika sebaliknya ia sah hak Muara Vella FC.

Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Perpindahan Mentiri, Muara Vella FC berjaya menjinakkkan Indera FC dengan 2-1.

Separuh masa pertama perlwanan berpihak pada Muara Vella FC setelah penyerangnya Awang Haji Usen bin Haji Basar membolosi gawang Indera FC di minit ke-24 yang gagal dihadang penjaga gawang, Awang Haji Muhd. Nooh bin Haji M.Raub.

Tidak berpuas hati dengan gol pertamanya, Awang Haji Usen sekali lagi mengegarkan gawang Indera FC dengan

gol keduanya di minit 32, kedudukan ini berterusan hingga tamat separuh masa pertama setelah pengadil meniupkan wisel.

Namun di separuh masa kedua, perlwanan lebih berpihak kepada Indera FC dengan kawalan permainan sehingga memaksa jentera pertahanan Muara Vella FC yang diketuai oleh Awang Salleh bin Md. Zin bekerja keras.

Akan tetapi penyerang Indera FC, Awang Saiman bin Haji Sulaiman akhirnya berjaya membolosi gawang Muara Vella FC di minit 58 melalui tandukannya setelah menerima hantaran cantik dari tepi.

Tersentak dengan jaringan itu pertahanan Muara Vella FC terus mengukuhkan pertahanan kerana tidak mahu terikat mata dengan Indera FC dan strategi tersebut akhirnya berjaya, walaupun pengadil menambah tiga minit masa perlwanan Muara Vella FC 2, Indera FC 1.

Pada perlwanan lain di Kumpulan 'B', Veteran 20 hanya mampu mengikat BSRC 2-2 di padang BSRC, Seria.

Manakala dalam Kumpulan 'A', Telbru FT membenam Kelab Sukan Jabatan Penjara 6-0 di Kompleks Sukan Tutong dan Temburong pula membela Miisa United FC di Kompleks Sukan Batu Apoi berkesudahan 5-0.



PEMAIN pasukan Indera FC dan Muara Vella FC masing-masing berusaha menguasai bola dari pihak lawan. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

OIC perlu imej, komitmen dan kerjasama baru

Dari muka 1

DYTM bersabda demikian di Sesi Pertama Sidang Ke-38 Majlis Menteri Luar Negeri (CFM), OIC yang berlangsung di Dewan Plenari, Istana Merdeka di sini.

Dalam sabda di sesi tersebut, DYTOM menyatakan OIC agar isu rakyat Palestin yang berlutan dan masih belum dapat diselesaikan dari dulu sehingga ke adab ini perlu ditangani dengan segera.

Dalam hal ini Negara Brunei Darussalam, jelas DYTOM akan sentiasa berdiri teguh sebagai kesetiakawanan bersama rakyat Palestin dalam pencarian mereka untuk keamanan, kehormatan dan tanah air yang merdeka.

DYTOM seterusnya mengucapkan syabas kepada saudara-saudara di Palestin atas usaha mereka bekerja keras mengembalikan keamanan di tanah air mereka sendiri. Dan berharap agar semua yang terlibat, sama ada Palestin dan seluruh dunia perlu mengimbangi objektif jangka pendek dan pemikiran jangka panjang bagi rakyat Palestin.

Agar dengan demikian, tegas DYTOM, generasi ketiga, keempat dan kelima rakyat Palestin tidak akan menghadapi satu lagi abad perjuangan yang memusnahkan bangsa mereka sendiri, iaitu jalan secara langsung bagi kerjasama keamanan dan pembangunan yang membentuk tema Sidang Ke-38 Majlis Menteri-Luarnya OIC kali ini iaitu ‘Kerjasama Keamanan dan Pembangunan’.

Terdahulu sebelum itu, keberangkatan tiba DYTOM yang mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam di sidang itu yang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berangkat ke Sesi Pertama Sidang Ke-38 Majlis Menteri Luar Negeri (CFM), OIC yang berlangsung di Dewan Plenari, Istana Merdeka.

berlangsung di Dewan Plenari, Istana Merdeka dijunjung oleh Menteri Luar Negeri Republik Kazakhstan, Tuan Yang Terutama Yerzhan Kazykhanov. Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mansurah Izzul Bolkiyah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah.

Sidang Ke-38 Majlis Menteri-Luarnya OIC telah dibuka dengan rasminya oleh Presiden Republik Kazakhstan, TYT Nursultan Nazarbayev. Terdahulu sebelum itu majlis telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh qari dari tuan rumah dan disusuli kemudiannya dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Sidang

Ke-37 Menteri-Menteri Luar Negeri OIC, Menteri Luar Negeri Republik Tajikistan, TYT Khamrakhon Zarifi dan seterusnya menyerahkan jawatan Pengerusi Sidang Ke-38 kepada Menteri Luar Negeri Republik Kazakhstan, TYT Yerzhan Kazykhanov.

Di Majlis Pembukaan Rasmi itu, para delegasi dari 57 negara anggota OIC dan negara-negara pemerhati mendengarkan ucapan dari Setiausaha Agung OIC, TYT Profesor Ekmeledin Ihsanoglu dan ucapan dari wakil-wakil benua Islam iaitu dari Asia, Afrika dan Arab.

Sebelum sesi tertutup pertama berlangsung, satu Majlis Menantangani Piagam dan Perjanjian OIC telah diadakan dan seterusnya sesi kedua perbincangan berlangsung di sebelah petang.

Anugerah Penulisan Islam diharap menyumbang pencapaian Wawasan 2035

Dari muka 1

nya kepada bangsa dan negara.

hingga 2009.

Islam sabda YTM, menganggap kebolehan membaca sebagai jambatan utama ke arah meningkatkan kecerdasan intelektual, dan membentuk peradaban bangsa yang lebih baik dan kukuh.

Kesungguhan menguasai ilmu itu sabda YTM, dapat menggambarkan tahap ketamadunan sebuah masyarakat dan juga menilai setakat mana golongan intelek berjaya melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menyebarkan ilmu dalam setiap bidang yang dikuasai oleh mereka.

“Seperti yang dititahkan oleh Paduka Ayahanda dalam Majlis Perasmian Ilmu 2008 sempena Hari Keputeraan ke-62 tahun, ilmu ialah milik Allah dan Allah mengurniakan martabat yang tinggi kepada hamba-Nya yang memiliki ilmu. Ilmu ialah faktor tunggal yang mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya yang terang-benderang, kerana itu Islam sangat mementingkan ilmu,” sabda YTM.

YTM seterusnya berbasa menjelaskan, di sinilah letaknya peranan dan tanggungjawab, yang perlu dipikul dan dilutani oleh para intelek dan penulis, sebagai suatu amanah dalam memartabatkan ilmu yang amat tinggi nilai-

Buku-buku tersebut sabda YTM, setentunya berupaya mengembangkan dan menyuburkan lagi nilai-nilai Islam yang murni, di samping menjadi sumber inspirasi kepada rakyat, untuk terus melangkah dan mencapai kecemerlangan sebagai insan yang berpengetahuan.

Di akhir sabda, YTM mengucapkan tahniah kepada penerima khas Anugerah Penulisan Islam YSHHB dan berdoa semoga akan terus berjaya dalam bidang penulisan serta tempatan dan diterbitkan antara tahun 1992



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika mengurniakan sabda di Majlis Anugerah Penulisan Islam di Grand Ballroom, Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel and Country Club, Jerudong. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Pendidikan Membentuk Syakhsiah Bangsa

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN. - Majlis Ilmu 2011 Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-65 Tahun akan bermula pada 26 Julai 2011.

Menurut Ahli Jawatankuasa Pengajur, Majlis Ilmu 2011 bertemakan 'Pendidikan Membentuk Syakhsiah Bangsa' memfokuskan kepada tiga bidang utama bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035 iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Pengertian ketiga-tiga kata kunci tema tersebut iaitu *pendidikan*, *syakhsiah* dan *bangsa* saling berkait rapat antara satu

dengan lain. Melalui pendidikan, syakhsiah sesuatu bangsa itu akan dapat dibentuk atau dicorakkan ke arah proses pembangunan manusia, masyarakat dan negara.

Syakhsiah ditakrifkan sebagai pembinaan modal insan. Ia merangkumi proses lengkap membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhlik, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan. Tanpa modal insan yang mantap, bangsa akan menjadi mundur, malah sesebuah tamadun mungkin mengalami kemerosotan daya saing yang menyeluruh. Bagi mencapai dan merealisasikan Wawasan Negara 2035, pendidikan adalah wahana utama. Justeru itu, dalam pembentukan syakhsiah bangsa, individu yang berilmu dan beriman haruslah mantap dan mempunyai syakhsiah, akhlak dan personaliti yang cemerlang dan faham tujuan hidup sebenar; cemerlang dalam kemahiran dan emosi; serta berguna pada diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

'SEMBAHYANG KUNCI KEBAHAGIAAN'

دربیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منtri دان دچیق اوله جباتن فرچیتئن کراجأن، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.